

**BSN DANA AL JADID**

**Isi Kandungan..... Mukasurat**

<b>LAPORAN PENGURUS .....</b>	<b>2</b>
<b>1. MAKLUMAT DANA .....</b>	<b>2</b>
<b>2. PRESTASI DANA .....</b>	<b>3</b>
<b>3. LAPORAN PENGURUS .....</b>	<b>6</b>
<b>4. PERNYATAAN PENGURUS .....</b>	<b>14</b>
<b>5. PENYATAAN PEMEGANG AMANAH .....</b>	<b>15</b>
<b>6. PENYATAAN PENASIHAT SYARIAH .....</b>	<b>16</b>
<b>7. LAPORAN BEBAS JURUAUDIT KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT.....</b>	<b>17</b>
<b>8. PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2012.....</b>	<b>19</b>
<b>9. PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2012 .....</b>	<b>20</b>
<b>10. PENYATA PERUBAHAN DALAM NILAI ASET BERSIH UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2012 .....</b>	<b>21</b>
<b>11. PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2012 .....</b>	<b>22</b>
<b>12. NOTA-NOTA KEPADA AKAUN.....</b>	<b>23</b>

## BSN DANA AL JADID

### LAPORAN PENGURUS

Pemegang-pemegang unit BSN Dana Al-Jadid yang dihormati, Permodalan BSN Berhad (PBSN) selaku Pengurus BSN Dana Al-Jadid dan HSBC (Malaysia) Trustee Berhad selaku Pemegang Amanah, dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan BSN Dana Al-Jadid bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

#### 1. MAKLUMAT DANA

Maklumat dana adalah seperti berikut: -

Nama Dana	BSN Dana Al-Jadid																		
Kategori Dana	Pertumbuhan dan Pendapatan.																		
Jenis Dana	Ekuiti Syariah Malaysia.																		
Objektif Pelaburan Dana	Objektif BSN Dana Al-Jadid adalah berusaha untuk mencapai pertumbuhan modal dan pengagihan pendapatan dengan melabur di dalam sekuriti patuh Syariah.																		
Penanda Aras Dana	Penanda aras dana yang digunakan adalah 50% Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS Syariah dan 50% kadar 12-bulan Maybank (GIA) Tier II.																		
Polisi Pengagihan Pendapatan Dana	Matlamat pihak pengurusan adalah untuk memberi agihan pendapatan setahun sekali kepada pemegang unit Dana. Perolehan agihan pendapatan daripada Dana akan dilaburkan semula secara automatik sebagai unit tambahan Dana pada harga NAB seunit pada hari bayaran pendapatan diumumkan.																		
Pegangan Unit	<p>Pada 31 Disember 2012, seramai 10,534 orang telah menyertai BSN Dana Al-Jadid. Pecahan pegangan unit adalah seperti berikut:</p> <table border="1"><thead><tr><th>Pecahan Pegangan Unit</th><th>Bilangan Pemegang Unit</th><th>Bilangan Unit</th></tr></thead><tbody><tr><td>5,000 ke bawah</td><td>6,639</td><td>12,221,265</td></tr><tr><td>5,001 – 10,000</td><td>1,307</td><td>9,952,370</td></tr><tr><td>10,001 – 50,000</td><td>2,284</td><td>48,599,737</td></tr><tr><td>50,001 – 500,000</td><td>301</td><td>30,106,878</td></tr><tr><td>500,001 ke atas</td><td>3</td><td>86,551,880</td></tr></tbody></table>	Pecahan Pegangan Unit	Bilangan Pemegang Unit	Bilangan Unit	5,000 ke bawah	6,639	12,221,265	5,001 – 10,000	1,307	9,952,370	10,001 – 50,000	2,284	48,599,737	50,001 – 500,000	301	30,106,878	500,001 ke atas	3	86,551,880
Pecahan Pegangan Unit	Bilangan Pemegang Unit	Bilangan Unit																	
5,000 ke bawah	6,639	12,221,265																	
5,001 – 10,000	1,307	9,952,370																	
10,001 – 50,000	2,284	48,599,737																	
50,001 – 500,000	301	30,106,878																	
500,001 ke atas	3	86,551,880																	

## BSN DANA AL JADID

### 2. PRESTASI DANA

#### 2.1 Pencapaian BSN Dana Al-Jadid

Bagi tempoh sehingga 31 Disember 2012, BSN Dana Al-Jadid telah mencapai objektif pelaburan. Dana telah mencatatkan peningkatan keuntungan sebelum cukai sebanyak 1.51% tahun ke tahun kepada RM 2.79 juta berbanding RM 1.11 juta pada tahun 2011. Nilai aset bersih bagi setiap unit BSN Dana Al-Jadid pula telah menurun kepada RM 0.2457 berbanding RM 0.2495 pada tahun 2011. Ini adalah disebabkan oleh pengagihan pendapatan yang dilakukan bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2012 pada kadar kasar sebanyak 1.80 sen seunit.

#### 2.2 Perumpukan Aset

Perumpukan aset bagi BSN Dana Al-Jadid adalah seperti berikut:

Komponen Aset Dalam Portfolio	%		
	2012	2011	2010
Pelaburan di Dalam Ekuiti Patuh Syariah	66.89	57.05	51.99
Pelaburan Sukuk Jangkapendek	17.19	21.23	28.51
Pelaburan Sukuk Jangkapanjang	-	5.57	3.73
Tunai	15.92	16.15	15.77
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

#### 2.3 Perumpukan Pelaburan Mengikut Sektor

Sektor	RM		
	2012	2011	2010
Pelaburan di dalam ekuiti patuh Syariah:			
Pembinaan	1,778,231	3,310,435	2,614,500
Barangan Pengguna	1,714,240	1,529,352	466,675
Kewangan	1,503,350	-	-
Barangan Industri	7,599,015	5,154,065	1,442,690
Infrastruktur	-	391,600	1,166,300
Perladangan	3,460,577	2,330,300	2,508,050
Hartanah	1,276,362	1,506,450	905,170
Perdagangan & Perkhidmatan	16,264,400	11,778,107	10,941,727
Teknologi	-	-	301,500
Pelaburan Sukuk Jangkapendek	8,632,100	10,675,250	11,163,300
Pelaburan Sukuk Jangkapanjang	-	1,537,600	1,462,000
Tunai	5,796,262	6,827,031	6,166,734

## BSN DANA AL JADID

### 2.4 Perbandingan Maklumat Kewangan Bagi Tempoh 3 Tahun

Perkara	2012	2011	2010
Nilai Aset Bersih (RM'000)	46,035	42,378	34,523
Nilai Aset Bersih seunit (RM)	0.2457	0.2495	0.2571
Unit Dalam Edaran ('000)	187,503	170,200	134,270
Harga Jualan Seunit (RM)	0.2457	0.2495	0.2571
Harga Belian Seunit (RM)	0.2457	0.2495	0.2571
Harga Jualan Seunit (tertinggi) (RM)	0.2640	0.2666	0.2865
Harga Belian Seunit (tertinggi) (RM)	0.2640	0.2666	0.2865
Harga Jualan Seunit (terendah) (RM)	0.2438	0.2386	0.2567
Harga Belian Seunit (terendah) (RM)	0.2438	0.2386	0.2567
Jumlah Pulangan (Pertumbuhan Modal) (%)	-1.53	-3.15	-5.86
Jumlah Pulangan (Penggajian Pendapatan) (%)	7.03	5.84	16.48
Penggajian Kasar Seunit (sen)	1.80	1.50	4.50
Penggajian Bersih Seunit (sen)	1.75	1.50	4.41
Tarikh Pelaburan Semula	15.04.2012/ 08.01.2013	15.04.2011/ 15.04.2012	15.04.2010/ 15.04.2011
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) Tahunan	1.74	1.80	2.80
Nisbah Dagangan Portfolio (%) Tahunan	130.00	89.00	61.00

#### 2.4.1 NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN

Nisbah ini adalah lebih rendah disebabkan oleh penurunan perbelanjaan berbanding tahun 2011.

#### 2.4.2 NISBAH DAGANGAN PORTFOLIO

Nisbah ini adalah tinggi disebabkan oleh faktor penjualan dan pembelian ekuiti pelaburan patuh Syariah yang lebih tinggi berbanding di tahun 2011.

## BSN DANA AL JADID

### Asas Pengiraan Untuk Maklumat Prestasi

**i. Kandungan Portfolio**

Kandungan portfolio adalah dikira mengikut harga pasaran pada 31 Disember 2012.

**ii. Nilai Aset Bersih**

Nilai aset bersih diambilkira setelah menolak jumlah nilai liabiliti Dana daripada jumlah nilai aset Dana. Nilai Aset Bersih (NAB) seunit diperolehi dengan membahagikan Nilai Aset Bersih Dana dengan bilangan unit dalam edaran.

**iii. Harga Jualan Seunit**

Harga jualan seunit ialah harga yang dijual oleh Pengurus-pengurus kepada pemegang unit dengan mengambilkira Nilai Aset Bersih pada penghujung hari urusan dibahagi dengan bilangan unit dalam edaran pada hari tersebut dan dikenakan bayaran perkhidmatan tidak melebihi 3 %. Harga ini kemudiannya akan diselaraskan sehingga satu sen yang terhampir.

**iv. Harga Belian Seunit**

Harga belian seunit adalah harga yang sedia dibeli oleh Pengurus-pengurus daripada pemegang unit yang ingin menjual kembali unit-unit pelaburan mereka pada NAB seunit.

**v. Pertumbuhan Modal**

Pertumbuhan modal dikira dengan mengambilkira perbezaan harga belian dari setahun ke setahun.

**vi. Pengagihan Pendapatan**

Pengagihan pendapatan adalah perolehan kasar tahunan iaitu:

$$\frac{\text{Dividen Kasar}}{\text{Harga Jualan Pada Hari Pertama tahun yang sama}} \times 100$$

**vii. Nisbah Perbelanjaan Pengurusan**

Nisbah ini adalah jumlah yuran pengurusan, yuran pemegang amanah, yuran audit, yuran agen cukai dan lain-lain perbelanjaan pentadbiran dibahagikan dengan purata Nilai Aset Bersih Dana yang dikira secara bulanan/tahunan.

$$\frac{\text{Yuran + Belanja}}{\text{Purata Nilai Aset Bersih Dana yang dikira secara bulanan/tahunan}} \times 100$$

**viii. Nisbah Dagangan Portfolio**

Pengiraan adalah seperti berikut:

$$\frac{(\text{Jumlah kos belian} + \text{Jumlah kos jualan}) / 2}{\text{Purata Nilai Aset Bersih Dana yang dikira secara bulanan/tahunan}} \times 100$$



**Perhatian : Prestasi lalu tidak semestinya menggambarkan prestasi akan datang. Harga seunit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah mengikut pasaran.**

**BSN DANA AL JADID**

**3. LAPORAN PENGURUS**

**3.1 Perbandingan Prestasi Dana dan Penanda Aras**


Bagi tahun 2012, Dana mencatatkan pulangan sebanyak 5.70% berbanding dengan pulangan penanda aras sebanyak 7.55%. Pulangan dana menampakkan penurunan dari penanda aras disebabkan oleh strategi Dana yang lebih bersifat defensif serta ketidaktentuan pasaran sepanjang tempoh tinjauan. Selain daripada itu, Dana juga sedang menjalani proses penstrukturan semula untuk melupuskan saham-saham patuh Syariah yang berprestasi buruk bagi mencapai prestasi Dana yang lebih baik di masa hadapan. Sejak penubuhannya, Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 31.66%, dan ianya merupakan 2.86% lebih baik daripada pulangan penanda arasnya yang mencatatkan pulangan sebanyak 28.80%. Secara keseluruhan, Dana dapat mencapai objektif pelaburannya dengan memberikan pulangan positif dan mencatatkan prestasi yang lebih baik daripada prestasi penanda arasnya.



**BSN DANA AL JADID**


	Dana Al Jadid	50% FBMSHA + 50% 12MGIA
2012	5.70%	7.55%
2011	2.84%	3.03%
2010	10.83%	10.37%
2009	14.80%	21.56%
*2008	-4.80%	-13.37%
YTD	5.70%	7.55%
1 bulan	2.95%	2.70%
2 bulan	0.92%	0.47%
3 bulan	2.25%	1.25%
4 bulan	1.82%	1.22%
5 bulan	0.79%	1.80%
6 bulan	2.77%	3.21%
9 bulan	3.46%	4.53%
12 bulan	5.70%	7.55%
2 tahun	8.71%	10.81%
3 tahun	20.48%	22.30%
Sejak Penubuhan	31.66%	28.80%

\* Sejak Penubuhan 18/6/2008



Purata Jumlah Pulangan (%)					
	1 tahun	2 tahun	3 tahun	4 tahun	Sejak Penubuhan
Dana	5.70	4.26	6.41	8.45	6.33
Penanda Aras	7.55	5.26	6.94	8.25	5.80

## BSN DANA AL JADID



Jumlah Pulangan Tahunan (%)					
	1 tahun	2 tahun	3 tahun	4 tahun	Sejak Penubuhan
Dana	5.70	8.71	20.48	38.31	31.66
Penanda Aras	7.55	10.81	22.30	48.67	28.80

Sumber : Semua jumlah angka pencapaian telah ditentukan betul oleh Mercer (M) Sdn Bhd (253344-U).

**Perhatian : Prestasi lalu tidak semestinya menggambarkan prestasi akan datang. Harga seunit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah mengikut pasaran.**



### **3.2 Polisi dan Strategi Pelaburan**

Memandangkan keadaan ekonomi global yang masih lemah serta pilihanraya umum yang ke-13 semakin hampir, strategi pelaburan pada setengah tahun pertama 2013 adalah pelaburan bersifat defensif dengan menumpukan kepada saham-saham patuh Syariah yang memberikan pulangan dividen dan berwajaran tinggi. Ketidaktentuan pasaran saham dengan risiko pilihanraya dilihat semakin ketara pada suku pertama 2013 manakala suku kedua dijangka lebih stabil di mana pasaran dijangka akan kembali meningkat selepas menyerap segala keputusan pilihanraya serta penubuhan kabinet baru kerajaan Malaysia.

Pasaran saham Malaysia dijangka lebih menarik pada setengah tahun kedua 2013 dengan tumpuan strategi pelaburan diberikan kepada saham-saham patuh Syariah yang berkait rapat dengan Program Transformasi Ekonomi (ETP) termasuk sektor minyak dan gas, industri, hartanah serta pengguna bagi mengambil peluang terhadap momentum positif selepas pilihanraya umum yang ke-13. Dengan jangkakan bahawa suasana ekonomi dunia di tahun 2013 adalah lebih baik memungkinkan untuk memberi tumpuan kepada saham-saham patuh Syariah ber'beta' tinggi dan bercorak berkala ('cyclicals'). Bagi tempoh yang sama, Dana juga akan memberikan tumpuan kepada pengumpulan kertas komersil Islam gred tinggi baru untuk peningkatan kadar hasil.

### **3.3 Ulasan Pasaran Modal Tahun 2012**

#### **(i) Tinjauan Pasaran Bon/Sukuk**

Bon/Sukuk Kerajaan Malaysia telah mengekalkan kekuatannya sepanjang 1H2012 meskipun risiko pertumbuhan dihalang oleh situasi mencabar pasaran global seperti krisis hutang di Greek, masalah fiskal di Sepanyol serta pengumuman data ekonomi yang perlahan di Amerika Syarikat dan Asia.

Pada akhir setengah tahun pertama 2012, bon-bon kerajaan (MGS)/sukuk kerajaan untuk 3, 5 dan 10 tahun masing-masing mencatatkan pengunduran ke 3.02% (-14 mata asas bulan-ke-bulan), 3.17% (-9 mata asas bulan-ke-bulan) dan 3.47% (-7 mata asas bulan-ke-bulan). 1H2012 juga menyaksikan momentum yang tinggi terhadap bon/sukuk kerajaan dan swasta dengan purata transaksi bulanan masing-masing sebanyak RM64.5 bilion dan RM5.2 bilion. Seperti biasa, aktiviti utama adalah tertumpu dalam lingkungan penarafan AAA dan AA, menyumbang kepada kira-kira 93% daripada saiz terbitan pada sepanjang 1H2012. Ketidaktentuan pasaran, ekonomi dan politik global serta risiko pilihan raya di Malaysia dilihat telah menjadi pemangkin kepada permintaan yang tinggi terhadap bon/sukuk kerajaan dan korporat.

Setengah tahun kedua 2012 menyaksikan momentum dagangan bon/sukuk kekal kukuh walaupun bon/sukuk kerajaan dilihat sedikit menurun berbanding tahun sebelumnya. Namun begitu, penurunan dagangan bon/sukuk kerajaan telah diimbangi oleh peningkatan dagangan bon/sukuk korporat terutamanya kertas gred tinggi. Selain itu, setengah tahun kedua 2012 juga menyaksikan rekod pembelian asing yang tinggi terutamanya bon/sukuk kerajaan. Secara keseluruhan, jumlah dagangan 2012 menurun sebanyak 1.8% tahun ke tahun kepada RM842 billion. Jumlah nilai dagangan yang tinggi terhadap bon/sukuk kerajaan dan korporat disokong oleh keputusan Bank Negara Malaysia untuk mengekalkan kadar polisi semalaman (OPR) sebanyak 3.00% telah memperlihatkan ekonomi Malaysia berkembang pada kadar sederhana selain

ketidaktentuan ekonomi global. Nilai terbitan bon/sukuk kerajaan dan korporat pula telah meningkat masing-masing sebanyak 6.00% kepada RM96.6 billion dan 44.00% kepada RM123.7 billion. Seperti biasa, aktiviti utama adalah tertumpu dalam lingkungan penarafan AAA dan AA dengan kadar faedah bon/sukuk kerajaan untuk 3, 5 dan 10 tahun ditutup masing-masing pada kadar 2.99%, 3.23% dan 3.48% pada 31 Disember 2012.

### **(ii) Tinjauan Pasaran Saham Tahun 2012**

Suku pertama 2012 menyaksikan FBMKLCI mencatatkan peningkatan sebanyak 4.3%, dan mencatatkan paras tertinggi pada 3 April 2012 iaitu 1,607. Bagaimanapun tekanan daripada pasaran global menyaksikan penyusutan yang ketara iaitu sebanyak 4.6% atau 74 mata pada 4 April hingga 18 Mei sebelum kembali pulih. Selain dari kekalutan di Zon Eropah, kelembapan ekonomi China, data ekonomi Amerika Syarikat yang kurang memberangsangkan, pasaran juga terjejas teruk oleh sikap berhati-hati yang melampau oleh para pelabur berikutan dengan Pilihanraya Umum 13 (PRU13) yang dijangkakan akan diadakan pada waktu yang terdekat dan Perhimpunan Bersih 3.0.

Suku kedua 2012 menyaksikan sentimen pasaran beransur pulih menjelang pilihanraya Greek dan disusuli pula oleh kejayaan Parti Demokrasi Baru yang mendokong aspirasi Eropah. Spekulasi yang mengatakan bahawa FOMC Amerika Syarikat akan memperluaskan langkah-langkah mengatasi kelembapan ekonomi dan juga kenyataan pemimpin G20 untuk menyokong pertumbuhan ekonomi dan membantu mengatasi krisis hutang Eropah berjaya merangsang pasaran tempatan dengan FBMKLCI meningkat ke 1,604 mata pada 20 Jun sebelum mentup suku kedua di paras 1,599 mata pada 29 Jun.

Walaupun pasaran meneruskan jajaran menaik, kenaikan dilihat hanya diiringi oleh dagangan yang lemah. Ini adalah kerana pasaran masih dihantui oleh kelembapan ekonomi dunia dan juga krisis hutang Eropah. Di sebalik kelembapan ekonomi ini, pasaran kewangan masih lagi dibanjiri kecairan yang tinggi akibat langkah kewangan yang longgar dilaksanakan oleh bank pusat di negara-negara maju dan sebahagian daripada kecairan ini menuju ke pasaran membangun.

Suku ketiga menyaksikan pengumuman data-data ekonomi global yang positif serta jangkakan pilihanraya umum ke-13 akan diadakan pada awal tahun 2013 telah merangsang FBMKLCI untuk melonjak sebanyak 7.9% ke paras baru tertinggi iaitu 1684 pada 4 September 2012 sebelum gelombang mengaut keuntungan muncul yang mengakibatkan FBMKLCI turun sebanyak 2.5% kepada 1612 pada 24 September 2012. Sejak itu, FBMKLCI dilihat terperangkap dalam corak dagangan berjajaran berikutan khabar angin pilihanraya yang semakin hampir serta spekulasi kemenangan tipis kerajaan sedia ada.

Namun begitu, Oktober menyaksikan FBMKLCI naik 2.2% asas ke paras 1673 dipengaruhi oleh data ekonomi yang positif terhadap masalah yang melanda zon Euro serta Amerika Syarikat di samping Budget 2013 yang dibentangkan pada 28 September 2012. Secara umumnya, Budget 2013 dilihat memberi keuntungan kepada semua sektor ekuiti serta mampu memberi impak yang positif dalam memacu ekonomi negara. Budget 2013 juga dilihat lebih mesra rakyat di mana banyak bantuan kewangan diberikan kepada rakyat di bawah skim Bantuan Rakyat 1Malaysia. FBMKLCI jatuh semula di bulan November dipengaruhi oleh tekanan jualan akibat proses mengambil untung terutama dalam saham-saham Telekomunikasi, pengumuman kedudukan

## **BSN DANA AL JADID**

kewangan saham-saham yang lemah serta desas-desus pilihanraya yang dijangka akan diadakan pada bulan Disember. FBMKLCI ditutup lemah pada paras 1611 pada bulan November namun kembali melonjak pada bulan Disember ke paras 1689 akibat kegiatan “window dressing” serta pilihanraya yang dijangka akan diadakan pada bulan Mac 2013.

### **3.4 Prospek Ekonomi Dan Pasaran Modal**

#### **i. Tinjauan Ekonomi**

Suku pertama 2012 menyaksikan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menurun kepada 5.1% berbanding 5.2% yang dicatatkan pada bulan sebelumnya disebabkan oleh kadar eksport yang perlahan serta masalah fiskal di Eropah yang masih berterusan. Aktiviti ekonomi pada suku pertama 2012 mencatatkan penurunan disebabkan oleh kelembapan dalam dagangan global ekoran masalah-masalah yang melanda zon Eropah serta Amerika Syarikat yang turut mendominasi ekonomi Asia. Selain daripada itu, musim perayaan dan hari bekerja yang lebih singkat dalam bulan Februari juga adalah antara faktor yang menyumbang kepada kejatuhan ekonomi pada suku pertama 2012.

Ekonomi Malaysia berkembang 5.4% pada suku kedua 2012 berbanding 4.3% pada suku yang sama tahun lepas, dipacu oleh permintaan domestik yang lebih kukuh. Sepanjang setengah tahun pertama 2012 juga, BNM telah mengekalkan kadar OPR sebanyak 3.00% pada semua mesyuaratnya yang telah diadakan pada 31 Januari, 9 Mac dan 11 Mei. Dalam tempoh tinjauan juga telah menyaksikan kadar inflasi menokok sebanyak 2.00% kepada 104.6 berbanding 102.5 dalam tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Peningkatan kadar inflasi adalah disebabkan oleh kenaikan dalam semua komponen utama indeks kecuali Komunikasi (-0.6%) dan Pakaian & Kasut (-0.4%).

KDNK pada suku ketiga 2012 mengatasi jangkauan umum dengan berkembang pada kadar 5.2%, berbanding jangkauan umum sebanyak 5.0%. Dengan pertumbuhan ekonomi purata bagi tiga suku pertama dicatatkan pada 5.3%, KDNK Malaysia pada tahun 2012 dijangka akan mengatasi anggaran rasmi sebanyak 4.0%-5.0% oleh Bank Negara Malaysia. KDNK pada suku ketiga dilihat sedikit terjejas berbanding tahun sebelumnya berikutan pasaran eksport yang menyusut kerana terdapat kelemahan dalam permintaan pasaran dari luar negara terutamanya dalam eksport barangan dan perkhidmatan. Selain itu, kadar inflasi negara untuk tahun 2012 ditutup pada kadar terendah sejak Februari 2010 iaitu pada kadar 1.2% dipengaruhi oleh harga makanan yang stabil disebabkan oleh penurunan harga makanan global serta harga komoditi selain pengurangan kitaran permintaan. Secara umumnya, kadar purata inflasi negara sepanjang 2012 berada pada kadar 1.7%. Sepanjang setengah tahun kedua 2012, BNM masih mengekalkan kadar OPR negara sebanyak 3.00% yang menunjukkan ekonomi Malaysia terus berkembang didorong oleh aktiviti dalam negeri yang mengimbangi tekanan luaran. Ekonomi global dijangka terus mengalami pertumbuhan perlahan ditambah dengan ketidakpastian ekonomi negara maju yang menyebabkan permintaan luar semakin lemah.

#### **ii. Prospek Ekonomi**

Mengenai makro ekonomi tempatan, petunjuk ekonomi terkini di Amerika Syarikat (AS) menunjukkan bahawa pemulihan dijangka perlahan pada masa hadapan. Dengan kebimbangan terhadap hutang Eropah yang berkemungkinan akan merebak, dijangkakan tiada perubahan besar yang berlaku ke atas ekonomi AS dan dijangkakan

## **BSN DANA AL JADID**

pertumbuhan ekonomi dalam negeri kekal mampan yang didorong oleh pelaburan swasta dan penggunaan domestik.

Secara umumnya, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dijangka berkembang di paras 5.2% pada tahun 2013. Secara keseluruhannya, prestasi ekonomi Malaysia pada 2013 dipengaruhi oleh pasaran luar yang masih lemah dan data ekonomi dilihat hanya disumbangkan oleh penggunaan domestik seperti pelaksanaan projek-projek ETP yang berterusan. Kadar inflasi pula dianggarkan meningkat pada paras 2.5% pada tahun 2013 berdasarkan kesan asas domestik yang tinggi, diburukkan lagi dengan harga makanan global serta komoditi yang lebih kukuh selain rasionalisasi subsidi oleh kerajaan. Dijangkakan subsidi akan dikurangkan secara beransur-ansur, sebagai salah satu usaha untuk mengawal indeks CPI bagi seluruh tahun 2013.

Untuk kadar faedah pula, Bank Negara Malaysia (BNM) dijangka akan mengekalkan kadar faedah (OPR) pada paras 3.00% sepanjang setengah tahun pertama 2013 bagi menjana penggunaan domestik menjelang pilihanraya umum ke-13. Namun begitu, kadar OPR dijangka meningkat sebanyak 25 mata asas kepada 3.25% pada setengah tahun kedua 2013 bagi mengimbangi kadar inflasi.

### **iii. Prospek Pasaran**

Pasaran Malaysia dijangkakan tidak menentu dalam jangka masa pendek kerana sentimen luaran kekal lemah terutama kedudukan ekonomi zon Eropah seta Amerika Syarikat. Selain itu, faktor pilihanraya umum ke-13 yang dijangka akan diadakan pada bulan Mac juga turut menambah kelembapan pasaran saham Malaysia pada setengah tahun pertama 2013. Namun demikian, pasaran dijangka mampu untuk bertahan dan melonjak kembali pada setengah tahun kedua 2013 berdasarkan kekuatan pendapatan korporat domestik, jumlah kecairan yang tinggi di pasaran tempatan selepas pilihanraya umum serta kecairan rangsangan kewangan.

Berdasarkan pada sejarah, risiko pilihan raya umum tetap ada dan bakal memberikan kesan kepada negatif pasaran. Berdasarkan apa yang telah berlaku sebelum ini di mana kegagalan Barisan Nasional (BN) mendapat dua pertiga majoriti pada PRU12 mengakibatkan pasaran ekuiti mengalami tekanan jualan, perkara yang sama bakal terjadi sekiranya BN gagal mendapat majoriti yang tinggi di dalam PRU13. Ini adalah disebabkan ketidakpastian dalam kesinambungan dasar ekonomi negara yang boleh melambatkan pelaksanaan ETP. Namun demikian sekiranya ini terjadi pasaran ekuiti akan melonjak kembali selepas menyerap tekanan jualan yang bersifat sementara.

Di samping itu persepsi pelabur juga boleh berubah sekelip mata sepantas perubahan jangkaan global – strategi pasaran yang sesuai ketika ini adalah bercorak defensif dengan mengambil kira saham-saham yang memiliki aliran tunai yang kukuh untuk membayar dividen yang mampan. Selain itu tumpuan juga diberikann kepada saham-saham yang memiliki fundamental yang kukuh, dan ini termasuk juga saham-saham yang mendapat penarafan semula ('re-rated') berdasarkan kepada perkembangan semasa.

Pasaran bon/sukuk untuk 2013 dijangkakan teguh dengan saiz terbitan yang tinggi didorong oleh kecairan yang mendalam dalam pasaran kewangan domestik, ketidakpastian tinjauan ekonomi global dalam jangka masa terdekat, ketidakpastian kepada resolusi untuk mengekang krisis hutang Eropah dan isu defisit bajet Amerika Syarikat serta risiko pilihan raya umum Malaysia. Faktor-faktor ini menjadi pendorong

## BSN DANA AL JADID

kepada permintaan terhadap bon/sukuk Malaysia terutama dalam lingkungan penarafan AAA dan AA. Oleh itu, aktiviti pengambilan risiko dijangkakan kekal dengan permintaan tertumpu pada bon/sukuk dalam tempoh yang singkat, berkecairan tinggi serta pulangan kadar kupon/keuntungan yang tinggi.

### 3.5 Agihan Pendapatan

Kepada pemegang-pemegang unit yang berdaftar pada 31 Disember 2012, pihak Pengurusan dengan sukacitanya mengumumkan pengagihan pendapatan kasar pada kadar 1.80 sen seunit. Kaedah pembayaran adalah mengikut sepertimana yang tercatat di dalam Prospektus dimana Pengurus akan melakukan pelaburan semula dan menambahkannya ke dalam akaun pelabur pada 8 Januari 2013.

### 3.6 Rebat Dan Komisen Ehsan

Tiada rebat dan komisen ehsan dicatatkan bagi tempoh sehingga 31 Disember 2012.

### 3.7 Pelaburan

Sektor	Kos 01.01.2012	Pembelian pada kos	Penjualan pada kos	'Mark up/ down' kepada nilai pasaran	Nilai bawa 31.12.2012
	RM	RM	RM	RM	RM
Pembinaan	3,644,763	1,707,645	3,261,025	(313,152)	1,778,231
Barangan Pengguna	1,543,994	6,096,981	5,341,163	(585,572)	1,714,240
Kewangan	-	3,042,263	1,387,706	(151,207)	1,503,350
Barangan Industri	4,581,110	11,213,398	7,920,321	(275,172)	7,599,015
Infrastruktur	547,310	5,046,484	5,593,794		
Perladangan	2,538,508	5,925,336	4,618,180	(385,087)	3,460,577
Hartanah	1,722,077	2,680,351	3,098,570	(27,496)	1,276,362
Perdagangan & Perkhidmatan	12,609,985	27,827,552	23,920,778	(252,359)	16,264,400
Sukuk Jangkapendek	10,675,250	-	2,129,353	86,203	8,632,100
Sukuk Jangkapanjang	1,313,751	-	1,313,751	-	-
	<b>39,176,747</b>	<b>63,540,010</b>	<b>58,584,641</b>	<b>(1,903,842)</b>	<b>42,228,274</b>

### 3.8 Pengasingan Unit

Tiada sebarang pengasingan unit dilakukan bagi tempoh sehingga 31 Disember 2012.

## **BSN DANA AL JADID**

### **4. PERNYATAAN PENGURUS**

Kami, **DATUK ADINAN BIN MANING** dan **ROSLANI BIN HASHIM**, merupakan dua dari pengarah-pengarah kepada **PERMODALAN BSN BERHAD**, dengan ini mengaku bahawa, pada pendapat para pengurus, penyata kewangan yang dinyatakan di mukasurat 19 hingga 46, dinyatakan mengikut Piawaian Perakaunan yang bersesuaian di Malaysia dan Garispanduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti yang memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan **BSN DANA AL-JADID** pada 31 Disember 2012 dan keputusan serta perubahan pada nilai aset bersih dan aliran tunai pada tahun tersebut, dan mengikut keperluan Suratikatan.

Bagi pihak Lembaga berdasarkan kepada resolusi pengarah-pengarah kepada Pengurus

**DATUK ADINAN BIN MANING**

Pengarah

**ROSLANI BIN HASHIM**

Pengarah

Kuala Lumpur

Tarikh : 8 Februari 2013

## **BSN DANA AL JADID**

### **5. PENYATAAN PEMEGANG AMANAH**

Kepada Pemegang-Pemegang Unit  
**BSN DANA AL-JADID**

Kami bertindak sebagai Pemegang Amanah kepada **BSN Dana Al-Jadid** (“Tabung”) untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012. Pada pendapat kami, Permodalan BSN Berhad (“Syarikat Pengurusan”), telah menguruskan tabung berlandaskan peruntukan-peruntukan berikut:

- (a) had-had yang dikenakan atas kuasa-kuasa pelaburan Syarikat Pengurusan serta pihak Pemegang Amanah di bawah Surat Ikatan/Surat Ikatan Tambahan, Garis Panduan Tabung Unit Amanah Saham, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang berkenaan;
- (b) penilaian/penetapan harga unit Tabung telah dilaksanakan mengikut Surat Ikatan/Surat Ikatan Tambahan serta peraturan-peraturan lain yang berkenaan; dan
- (c) penjadian dan pembatalan unit-unit telah dilaksanakan mengikut Surat Ikatan/Surat Ikatan Tambahan serta peraturan-peraturan lain yang berkenaan.

Bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2012, Tabung telah membuat pengagihan pendapatan bersih pada kadar 1.75 sen seunit. Kami mengesahkan bahawa pengagihan pada tempoh tersebut tidak bertentangan dengan objektif Tabung.

Untuk HSBC (Malaysia) TRUSTEE BERHAD  
(No Syarikat : 001281-T)

**TAN BEE NIE**

Ketua, Operasi Unit Amanah

Kuala Lumpur  
Tarikh : 8 Februari 2013

## **BSN DANA AL JADID**

### **6. PENYATAAN PENASIHAT SYARIAH**

Kepada Pemegang-pemegang Unit  
**BSN DANA AL-JADID**

Kami selaku Penasihat Syariah bagi tabung **BSN Dana Al-Jadid** telah dipertanggungjawabkan untuk memastikan prosedur-prosedur dan proses-proses yang dilaksanakan oleh **PERMODALAN BSN BERHAD** serta peruntukan-peruntukan yang termaktub di dalam Surat Ikatan Induk yang bertarikh **11 Mac 2008** mematuhi prinsip-prinsip Syariah.

Pada pendapat kami, **PERMODALAN BSN BERHAD** telah mengurus dan mentadbir **BSN Dana Al-Jadid** mengikut prinsip-prinsip Syariah dan mematuhi segala garis panduan yang berkaitan, arahan dan keputusan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti mengenai perkara-perkara berkaitan Syariah untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

Selain itu, kami juga mengesahkan bahawa portfolio pelaburan **BSN Dana Al-Jadid** terdiri daripada sekuriti-sekuriti yang telah diklasifikasikan sebagai sekuriti patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti. Selain daripada sekuriti-sekuriti yang tersebut di atas, pihak kami telah meneliti dan mengenalpasti sekuriti-sekuriti yang selainnya di dalam portfolio pelaburan **BSN Dana Al-Jadid** adalah sekuriti-sekuriti patuh Syariah.

Untuk IBFIM

**MOHD NASIR ISMAIL**

*Penasihat Syariah/Pegawai Bertanggungjawab bagi Rundingcara Syariah*

Kuala Lumpur

Tarikh: 8 Februari 2013



## **BSN DANA AL JADID**

### **7. LAPORAN BEBAS JURUAUDIT KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT**

#### **Laporan Terhadap Penyata Kewangan**

Kami telah mengaudit penyata kewangan **BSN DANA AL-JADID** yang meliputi penyata aset dan liabiliti pada 31 Disember 2012, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan di dalam nilai aset bersih dan penyata aliran tunai untuk tahun kewangan berkenaan, dan ringkasan polisi perakaunan penting dan lain-lain nota penerangan, sepertimana yang dinyatakan pada mukasurat 19 hingga 46.

#### *Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap Penyata Kewangan*

Pengurus kepada Dana adalah bertanggungjawab untuk menyediakan dan mempersembahkan dengan adil penyata kewangan ini berdasarkan kepada Piawaian Laporan Kewangan Malaysia dan Garispanduan Suruhanjaya Sekuriti berkenaan dengan Dana Unit Amanah yang bersesuaian di Malaysia. Pengurus kepada Dana juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang berkaitan dengan penyediaan dan persembahan yang adil terhadap penyata kewangan yang bebas dari kesilapan material, samada disebabkan penipuan atau kesilapan.

#### *Tanggungjawab Juruaudit*

Tanggungjawab kami adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan ini berdasarkan pengauditan kami. Kami telah menjalankan audit kami mengikut piawaian yang diluluskan mengenai pengauditan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami mematuhi keperluan etika dan merancang dan melaksanakan audit untuk memperolehi keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas dari sebarang kesilapan yang material.

Sesuai pengauditan meliputi pengwujudan prosedur untuk mendapatkan bukti audit berkenaan dengan amaun dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih berdasarkan kepada penilaian kami, termasuk penilaian terhadap risiko kesilapan yang material kepada penyata kewangan, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam melakukan penilaian risiko, kami menganggap kawalan dalaman yang bersesuaian kepada penyediaan penyata kewangan Dana telah memberikan gambaran yang benar dan adil bagi membolehkan prosedur audit direka bersesuaian dengan sesuatu keadaan, tetapi bukan untuk menggambarkan pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Dana. Pengauditan juga meliputi penilaian terhadap kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan dan jangkaan perakaunan yang munasabah yang dibuat oleh Pengarah, dan juga penilaian kepada keseluruhan persembahan penyata kewangan.

Kami percaya bukti-bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk menyediakan asas kepada pendapat kami.

#### *Pendapat*

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini telah memberikan gambaran yang benar dan adil ke atas kedudukan kewangan Dana pada 31 Disember 2012 dan prestasi kewangannya dan aliran tunai Dana untuk tempoh kewangan berakhir berdasarkan kepada Piawaian Laporan Kewangan Malaysia dan Garispanduan Suruhanjaya Sekuriti berkenaan dengan Dana Unit Amanah yang berkaitan di Malaysia.

## **BSN DANA AL JADID**

### Lain-lain Perkara

1. Seperti yang dinyatakan di dalam Nota 2 di laporan kewangan, dana telah mengikut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRSs") pada 1 Januari 2012 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2011. Piawaian ini digunakan secara retrospektif oleh Pengurus Dana terhadap perbandingan maklumat di dalam penyata kewangan ini, termasuk penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2011 dan 1 Januari 2011, dan penyata untung atau rugi dan lain-lain pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 dan pendedahan yang berkaitan. Kami tidak terlibat untuk melaporkan maklumat perbandingan dan ianya adalah belum diaudit. Tanggungjawab kami adalah sebahagian daripada audit penyata kewangan Dana bagi tahun berakhir 31 Disember 2012, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi bahawa baki awal pada 1 Januari 2012 tidak mengandungi kesilapan material yang menjejaskan kedudukan kewangan pada 31 Disember 2012 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir.
2. Laporan ini dibuat khas untuk pemegang-pemegang unit Dana dan bukan atas tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab ke atas mana-mana pihak lain di atas kandungan laporan ini.

**CROWE HORWATH**  
No Firma : AF 1018  
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur  
Tarikh: 15 Februari 2013

**JAMES CHAN KUAN CHEE**  
No Kelulusan : 2271/10/13 (J)  
Akauntan Bertauliah

**BSN DANA AL JADID****8. PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2012**

	Nota	2012 RM	2011 RM
<b>ASET PELABURAN PATUH SYARIAH</b>			
Pelaburan siarharga patuh Syariah	4	33,596,175	26,000,308
Pelaburan bukan sekuriti siarharga patuh Syariah	5	8,632,100	12,212,850
Deposit Islam dengan institusi kewangan berlesen	6	5,793,417	6,824,767
		<u>48,021,692</u>	<u>45,037,925</u>
<b>LAIN-LAIN ASET</b>			
Amaun terhutang dari syarikat broker		1,875,039	-
Amaun terhutang dari syarikat pengurusan		-	315,000
Siberhutang pelbagai		36,935	15,525
Keuntungan belum terima		109,566	101,362
Tuntutan cukai		192,687	172,652
Tunai di bank		2,845	2,264
		<u>2,217,072</u>	<u>606,803</u>
<b>JUMLAH ASET</b>		<u>50,238,764</u>	<u>45,644,728</u>
<b>LIABILITI</b>			
Amaun terhutang kepada syarikat broker		784,185	511,036
Dividen belum bayar		3,281,927	2,550,402
Amaun terhutang kepada pengurusan		61,610	67,448
Amaun terhutang kepada pemegang amanah		3,286	2,837
Sipiutang pelbagai dan terakru		43,000	43,000
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<u>4,174,008</u>	<u>3,174,723</u>
<b>EKUITI</b>			
Sumbangan Pemegang Unit	8	47,395,086	43,006,641
Rizab Sedia Untuk Dijual	9	86,203	348,001
Kerugian Terkumpul	10	(1,416,533)	(884,637)
<b>NAB BOLEH AGIH KEPADA PEMEGANG UNIT</b>		<u>46,064,756</u>	<u>42,470,005</u>
<b>JUMLAH NAB BOLEH AGIH KEPADA PEMEGANG UNIT DAN LIABILITI</b>		<u>50,238,764</u>	<u>45,644,728</u>
<b>UNIT DALAM EDARAN</b>		<u>187,503,000</u>	<u>170,200,000</u>
<b>NILAI ASET BERSIH SEUNIT (RM) : EX-DIV</b>		<u>0.2457</u>	<u>0.2495</u>

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

**BSN DANA AL JADID****9. PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2012**

	Nota	2012 RM	2011 RM
<b>PENDAPATAN PELABURAN</b>			
Keuntungan dari deposit Islam		250,100	201,684
Pendapatan dari sukuk		684,039	470,812
Pendapatan dividen kasar		807,723	586,594
Keuntungan nyata bersih atas pelupusan pelaburan patuh Syariah		<u>2,913,699</u>	<u>1,947,115</u>
		<u>4,655,561</u>	<u>3,206,205</u>
<b>PERBELANJAAN</b>			
Kerugian bersih dari nilai saksama melalui keuntungan/ kerugian pelaburan patuh Syariah		1,049,005	1,384,513
Yuran pengurus	11	700,877	591,130
Yuran pemegang amanah	12	37,380	31,527
Yuran agen cukai		8,138	8,138
Perbelanjaan pentadbiran		53,696	58,138
Yuran audit		<u>18,000</u>	<u>21,000</u>
		<u>1,867,096</u>	<u>2,094,446</u>
<b>PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI</b>			
Cukai	13	<u>2,788,465</u>	<u>1,111,759</u>
		<u>(38,434)</u>	<u>20,426</u>
<b>PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI</b>			
		<u>2,750,031</u>	<u>1,132,185</u>
<b>LAIN-LAIN PENDAPATAN KOMPREHENSIF</b>			
Perubahan bersih dalam nilai saksama untuk aset kewangan sedia untuk dijual		<u>(261,798)</u>	<u>78,866</u>
<b>JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF</b>			
		<u>2,488,233</u>	<u>1,211,051</u>
Pendapatan bersih selepas cukai untuk tahun kewangan adalah daripada sumber berikut :			
Keuntungan nyata		3,537,238	2,516,698
Kerugian belum nyata		<u>(1,049,005)</u>	<u>(1,384,513)</u>
		<u>2,488,233</u>	<u>1,132,185</u>
		<b>2012 RM</b>	<b>2011 RM</b>
Dividen untuk tahun kewangan			
Dividen untuk tahun kewangan	14	3,281,927	2,550,401
Pengagihan kasar seunit (sen)		1.80	1.50
Pengagihan bersih seunit (sen)		1.75	1.50

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

**BSN DANA AL JADID****10. PENYATA PERUBAHAN DALAM NILAI ASET BERSIH UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2012**

	Nota	Sumbangan Pemegang Unit RM	Pendapatan / (Kerugian) Belum Agih RM	Rizab Sedia Untuk Dijual RM	Jumlah NAB RM
<b>Baki pada 1.1.2011</b>		33,720,051	533,579	269,135	34,522,765
Keuntungan bersih selepas cukai bagi tahun 2011		-	1,132,185	-	1,132,185
Lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan:- Perubahan bersih dalam nilai saksama sedia ada aset kewangan untuk dijual		-	-	78,866	78,866
Pergerakan dalam sumbangan pemegang unit:					
-Penjadian unit		5,340,643	-	-	5,340,643
-Penggajian semula dividen		3,945,947	-	-	3,945,947
Dividen	14	-	(2,550,401)	-	(2,550,401)
<b>Pada 31.12.2011 / 01.01.2012</b>		<b>43,006,641</b>	<b>(884,637)</b>	<b>348,001</b>	<b>42,470,005</b>
Keuntungan bersih selepas cukai bagi tahun 2012		-	2,750,031	-	2,750,031
Lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan:- Perubahan bersih dalam nilai saksama sedia ada aset kewangan untuk dijual		-	-	(261,798)	(261,798)
Pergerakan dalam sumbangan pemegang unit:					
-Penjadian unit		2,101,948	-	-	2,101,948
-Perlucutan unit		(260,700)	-	-	(260,700)
-Penggajian semula dividen		2,547,197	-	-	2,547,197
Dividen	14	-	(3,281,927)	-	(3,281,927)
<b>Pada 31.12.2012</b>		<b>47,395,086</b>	<b>(1,416,533)</b>	<b>86,203</b>	<b>46,064,756</b>

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

**BSN DANA AL JADID****11. PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2012**

	Nota	2012 RM	2011 RM
<b>ALIRAN TUNAI (UNTUK)/DARI AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN</b>			
Pendapatan bersih sebelum cukai		2,788,465	1,111,759
Pelarasan untuk :			
Pendapatan dividen kasar		(807,723)	(586,594)
Keuntungan dari deposit Islam		(250,100)	(201,684)
Pendapatan dari sukuk		(684,039)	(470,812)
Keuntungan nyata bersih dari pelupusan pelaburan patuh Syariah		(2,913,699)	(1,947,115)
Kerugian bersih dari nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian pelaburan patuh Syariah		1,049,005	1,384,513
Kerugian operasi sebelum perubahan modal kerja		(818,091)	(709,933)
Kenaikan dalam amaun terhutang dari sykt broker		(1,875,039)	-
Penurunan/(Kenaikan) dalam amaun terhutang dari Pengurus		315,000	(315,000)
Kenaikan dalam siberhutang pelbagai		(21,410)	(15,125)
(Kenaikan)/Penurunan dalam keuntungan belum terima		(8,204)	7,447
Kenaikan/(penurunan) dalam amaun terhutang kpd sykt broker		273,149	(258,015)
(Penurunan)/Kenaikan dalam amaun terhutang kepada Pengurus		(5,838)	18,976
Kenaikan dalam amaun terhutang kepada Pemegang Amanah		449	252
Kenaikan dalam sipiutang pelbagai		-	11,543
Cukai dibayar		(4,962)	(60,375)
Tunai digunakan dalam aktiviti operasi		(2,144,946)	(1,320,230)
Keuntungan dari deposit Islam		250,100	201,684
Pendapatan dari sukuk		684,039	470,812
Dividen bersih diterima		754,215	566,965
Pembelian pelaburan patuh Syariah		(63,539,912)	(37,235,796)
Perolehan dari penjualan pelaburan patuh Syariah		61,124,487	32,636,219
<b>TUNAI BERSIH UNTUK AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN</b>		<b>(2,872,017)</b>	<b>(4,680,346)</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>			
Perolehan dari penjadian unit		2,101,948	5,340,643
Pembayaran untuk pelucutan unit		(260,700)	-
<b>TUNAI BERSIH DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>		<b>1,841,248</b>	<b>5,340,643</b>
<b>(PENGURANGAN)/KENAIKAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI</b>		<b>(1,030,769)</b>	<b>660,297</b>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN</b>		<b>6,827,031</b>	<b>6,166,734</b>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN</b>	15	<b>5,796,262</b>	<b>6,827,031</b>

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

## **BSN DANA AL JADID**

### **12. NOTA-NOTA KEPADA AKAUN**

#### **1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA**

BSN Dana Al-Jadid (berikutnya dirujuk sebagai “Unit Amanah”) ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Suratikatan bertarikh 11 Mac 2008, di antara Pengurus, Permodalan BSN Berhad, Pemegang Amanah, HSBC (Malaysia) Trustee Berhad serta Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Pejabat berdaftar dan tempat utama perniagaan terletak di Aras 19, Lot 1, Bangunan TH Selborn, 153 Jalan Tun Razak, 50450 Kuala Lumpur.

Aktiviti utama Dana ialah melabur di dalam portfolio ekuiti, sekuriti berasaskan ekuiti, debentur, instrumen pasaran wang dan lain-lain sekuriti dan/atau instrumen yang akan ditentukan oleh Pengurus dan memenuhi kehendak-kehendak Syariah. Sebarang perubahan yang material kepada objektif pelaburan Dana memerlukan kelulusan dari pemegang unit. Dana telah dilancarkan pada 18 Jun 2009.

Pengurus, Permodalan BSN Berhad adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia, dimiliki sepenuhnya oleh Bank Simpanan Nasional. Pengurus secara prinsipalnya terlibat dengan di dalam pengurusan Dana.

Penyata kewangan ini telah dibenarkan untuk diterbitkan oleh Lembaga Pengarah kepada Pengurus berdasarkan kepada resolusi pengarah bertarikh 8 Februari 2013.

#### **2. ASAS PENYEDIAAN**

Pernyataan kewangan bagi Dana disediakan di bawah konvensyen kos sejarah dan diubahsuai bersesuaian dengan asas-asas penilaian yang dibentangkan seperti dalam seksyen-seksyen lain terangkum di dalam dasar-dasar perakaunan yang penting dan menurut Piawaian Laporan Perakaunan (“MFRS”) Ini adalah penyata kewangan Dana yang pertama yang disediakan selaras dengan MFRSs, yang sejajar dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa seperti yang dikeluarkan oleh International Accounting Standards Board.

Pada tahun kewangan sebelumnya, penyata kewangan Dana mematuhi Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (“FRS”). Terdapat tiada kesan kewangan peralihan daripada FRS kepada MFRSs.

Dana ini sebelumnya telah menggunakan pindaan kepada MFRS 101, Pembentangan Penyata Kewangan yang asalnya efektif untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2012. Penggunaan kepada pindaan kepada MFRS 101 sebelum ini tidak mempunyai kesan ke atas penyata kewangan ini berbanding daripada format pembentangan penyata untung atau rugi dan lain-lain pendapatan komprehensif.

Dana tidak menggunakan piawaian perakaunan berikut dan interpretasinya (termasuk pembetulan berikutnya) yang telah diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) tetapi belum lagi dikuatkuasakan untuk tahun kewangan semasa :

#### **FRSs and IC Interpretations (including the Consequential Amendments)**

#### **Effective Date**

MFRS 9 Financial Instruments

1 January 2015

## BSN DANA AL JADID

MFRS 10 Consolidated Financial Statements	1 January 2013
MFRS 11 Joint Arrangements	1 January 2013
MFRS 12 Disclosure of Interests in Other Entities	1 January 2013
MFRS 13 Fair Value Measurement	1 January 2013
MFRS 119 (Revised) Employee Benefits	1 January 2013
MFRS 127 (2011) Separate Financial Statements	1 January 2013
MFRS 128 (2011) Investments in Associates and Joint Ventures	1 January 2013
Amendments to MFRS 1 (Revised): Government Loans	1 January 2013
Amendments to MFRS 7: Offsetting Financial Assets and Financial Liabilities	1 January 2012
Amendments to MFRS 9: Mandatory Effective Date of FRS 9 and Transition Disclosures	1 January 2015
Amendments to MFRS 10, MFRS 11 and MFRS 12: Transition Guidance	1 January 2013
Amendments to MFRS 132: Offsetting Finance Assets and Finance Liabilities	1 January 2014
IC Interpretation 20 Stripping Costs in the Production Phase of a Surface Mine	1 January 2013
Annual improvement to MFRSs 2009-2011 Cycle	1 January 2013

Piawaian perakaunan dan interpretasi (termasuk pembetulan yang berikutnya) di atas adalah tidak relevan terhadap operasi Dana kecuali yang berikutnya:

(a) MFRS 9- Instrumen Kewangan

MFRS 9 menggantikan panduan dalam MFRS 139, Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran klasifikasi dan pengukuran aset kewangan. Apabila penggunaan daripada MFRS 9, semua aset kewangan akan diukur pada sama ada nilai saksama atau kos terlunas.

(b) MFRS 13-Pengukuran Nilai Saksama

MFRS 13 menetapkan prinsip bagi pengukuran nilai saksama dan menggantikan panduan yang sedia ada di MFRSs berbeza.

Permohonan awal MFRS 9 dan MFRS 13 dijangka tidak akan mempunyai apa-apa kesan kewangan ke atas penyata kewangan Kumpulan Wang selepas penggunaan pertama.



**3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING**

(a) Pertimbangan dan Anggaran Perakaunan Yang Kritikal

Anggaran dan pertimbangan adalah secara berterusan dinilai oleh Pengurus dan berdasarkan kepada pengalaman lalu serta faktor-faktor lain termasuk jangkaan peristiwa masa hadapan yang dipercayai munasabah mengikut keadaan. Anggaran dan pertimbangan yang menjejaskan pemakaian dasar-dasar perakaunan dan pendedahan Dana serta membawa risiko yang penting yang boleh menyebabkan pelarasan material terhadap jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan adalah dibincangkan di bawah :

(i) Cukai Pendapatan

Terdapat transaksi dan pengiraan tertentu yang mana nilai cukai muktamad boleh jadi berbeza daripada anggaran awal. Dana mengiktiraf liabiliti cukai berdasarkan kepada pemahamannya pada undang-undang cukai yang lazim dan anggaran cukai yang mungkin akan diperolehi dalam perjalanan perniagaan biasa. Jika nilai akhir perkara tersebut adalah berbeza dari jumlah yang telah diiktiraf pada mulanya, perbezaan tersebut akan memberi impak ke atas cukai pendapatan dan peruntukan cukai tertunda dalam tempoh di mana penentuan tersebut dibuat.

(ii) Kekejasan Belum Terima

Kerugian kekejasan diiktiraf apabila terdapat bukti objektif dimana aset kewangan adalah kekejasan. Pihak pengurusan mengkaji secara spesifik pinjaman dan aset kewangan belum terima dan sejarah hutang lapuk dianalisa, penumpuan pelanggan, kemampuan kredit pelanggan, tren ekonomi semasa dan perubahan di dalam terma pembayaran pelanggan apabila hendak membuat pertimbangan untuk menilai kecukupan elaun kerugian kekejasan. Dimana terdapat bukti objektif kekejasan, amaun dan masa hadapan aliran tunai adalah dianggarkan berdasarkan kepada pengalaman kerugian masa lampau untuk aset dimana ianya adalah sama dengan karakter risiko kredit. Jika kemahuan yang dibuat berlainan dengan jangkaan, perbezaan berkenaan akan memberi kesan kepada nilai bawa belum terima. Dana tidak mempunyai sebarang pinjaman.

(iii) Kekejasan Bagi Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual

Dana telah mengkaji aset kewangan sedia untuk dijualnya pada akhir sesuatu tempoh laporan untuk menentukan samada berlakunya kekejasan. Dana juga merekodkan kerugian kekejasan ke atas pelaburan ekuiti patuh Syariah sedia untuk dijual apabila terdapat penurunan yang berpanjangan atau penting di dalam nilai saksama berbanding kos. Penentuan ke atas 'berpanjangan' atau 'penting' memerlukan pertimbangan. Di dalam membuat pertimbangan, Dana menilai, antara faktor-faktor berkaitan, perubahan harga saham masa lampau dan tempoh masa dan jarak dimana nilai saksama pelaburan patuh Syariah berkenaan adalah kurang dari kosnya.

(iv) Anggaran Nilai Saksama Aset-Aset Kewangan Dan Liabiliti Tertentu

Dana mempunyai aset-aset kewangan tertentu dan liabiliti pada nilai saksama yang memerlukan penggunaan anggaran perakaunan dan pengadilan yang meluas. Walaupun komponen penting ukuran nilai saksama telah ditentukan menggunakan bukti objektif yang boleh disahkan, jumlah perubahan dalam nilai saksama akan berbeza jika Dana

## **BSN DANA AL JADID**

menggunakan metodologi penilaian yang berbeza. Sebarang perubahan dalam nilai saksama bagi aset dan liabiliti akan memberikan kesan ke atas keuntungan dan ekuiti.

### **(b) Matawang Fungsian Dan Pembentangan**

Matawang fungsian Dana diukur menggunakan matawang utama bagi persekitaran ekonomi di mana Dana beroperasi.

Penyata kewangan ini dibentangkan di dalam Ringgit Malaysia (“RM”) yang merupakan matawang semasa yang digunapakai.

### **(c) Tunai Dan Kesetaraan Tunai**

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri dari tunai di bank, simpanan dalam panggilan Islam di institusi kewangan dan pelaburan patuh Syariah kecairan jangka pendek yang mana boleh ditukar nilainya ke tunai, dimana perubahan dalam nilai pelaburan patuh Syariah membawa risiko yang tidak ketara.

### **(d) Instrumen Kewangan**

Instrumen kewangan diambilkira di dalam Lembaran Imbangan apabila Dana terlibat dalam peruntukan kontrak bagi instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti berdasarkan kepada butiran perjanjian kontrak. Keuntungan, dividen, keuntungan serta kerugian berkaitan dengan instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai liabiliti dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Pengagihan kepada pemegang instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai ekuiti adalah di caj terus ke ekuiti.

Instrumen kewangan akan diimbangi apabila Dana menggunakan hak secara sah mengimbangi dan bercadang untuk menyelesaikannya sama ada atas nilai asas bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

Instrumen kewangan diiktiraf pada awalnya, pada nilai saksama, ditambah, dimana berlaku keadaan dimana instrumen kewangan tidak pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos transaksi yang secara langsung diagihkan kepada pembelian atau penerbitan sesuatu instrumen kewangan.

Instrumen kewangan diiktiraf di dalam lembaran imbangan dinyatakan di dalam pernyataan polisi individu yang berkaitan dengan satu sama lain.

#### **(i) Aset Kewangan**

Pada permulaan pengiktirafan, aset kewangan diklasifikasikan samada sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, pinjaman dan belum terima, pelaburan patuh Syariah dipegang hingga matang, atau aset kewangan sedia untuk dijual, sebagaimana sepatutnya. Dana tidak mempunyai sebarang pinjaman.

- **Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Keuntungan Atau Kerugian**

Aset kewangan diklasifikasikan sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian apabila aset kewangan berkenaan samada dipegang

## BSN DANA AL JADID

untuk diniagakan atau direka untuk melupuskan atau mengurangkan secara penting pengukuran atau pengiktirafan yang tidak konsisten yang kemungkinan wujud. Derivatif Islam juga diklasifikasikan sebagai dipegang untuk diniagakan kecuali ianya direka untuk melindungi nilai.

Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian adalah dinyatakan pada nilai saksama, dimana sebarang keuntungan atau kerugian yang dialami dari pengukuran semula diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian. Pendapatan dividen dari kategori aset kewangan diiktiraf di dalam untung atau rugi apabila hak Dana untuk menerima pembayaran telah diiktiraf.

- Pelaburan Patuh Syariah Dipegang Sehingga Matang

Pelaburan patuh Syariah dipegang sehingga matang adalah aset kewangan bukan derivatif atau pembayaran yang boleh ditentukan tempoh matang yang tetap dimana pihak pengurusan mempunyai niat yang positif dan keupayaan untuk memegangnya hingga matang. Pelaburan patuh Syariah dipegang hingga matang diukur pada kos perlunasan menggunakan kaedah faedah berkesan ditolak dengan kerugian kejelasan, dengan pendapatan diiktiraf melalui asas pulangan berkesan.

- Pinjaman dan Aset Kewangan Belum Terima

Belum terima yang mempunyai pembayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disiarharga di dalam pasaran aktif adalah diklasifikasikan sebagai pinjaman dan aset kewangan belum terima. Pinjaman dan aset kewangan belum terima adalah diukur pada kos perlunasan menggunakan kaedah keuntungan berkesan, ditolak dengan sebarang kerugian kejelasan. Pendapatan keuntungan adalah diiktiraf dengan menggunakan kadar keuntungan berkesan, kecuali ke atas belum terima jangka pendek apabila pengiktirafan keuntungan adalah tidak material. Dana tidak mempunyai sebarang pinjaman.

- Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual

Aset kewangan sedia untuk dijual adalah aset kewangan bukan derivatif Islam yang direka untuk kategori ini atau yang tidak diklasifikasikan di dalam mana-mana kategori.

Selepas pengiktirafan permulaan, aset kewangan sedia untuk dijual diukur kepada nilai saksamanya pada akhir sesuatu tempoh laporan. Keuntungan atau kerugian dari perubahan nilai saksama adalah diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain dan dikumpulkan di dalam rizab nilai saksama, dengan pengecualian kerugian kejelasan. Di dalam ketidakitirafan, keuntungan terkumpul atau kerugian terkumpul sebelumnya di dalam rizab nilai saksama adalah diklasifikasikan dari ekuiti kepada keuntungan atau kerugian.

Dividen atas instrumen patuh Syariah ekuiti yang sedia untuk dijual adalah diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian apabila Dana mempunyai hak untuk menerima pembayaran telah diiktiraf.

Pelaburan di dalam instrumen patuh Syariah bukan ekuiti dimana nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan tepat, diukur pada kos dan ditolak dengan kerugian kejelasan terkumpul, sekiranya ada.

## **BSN DANA AL JADID**

### (ii) Liabiliti Kewangan

Semua liabiliti kewangan permulaannya adalah pada nilai saksama ditambah secara langsung dengan kos transaksi boleh agih dan diukur kemudiannya pada nilai kos perlunasan menggunakan kaedah faedah berkesan selain dari yang telah dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

Nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian merangkumi liabiliti kewangan samada dipegang untuk diniagakan atau direka untuk menghapuskan atau mengurangkan secara signifikan pengukuran atau pengiktirafan yang tidak konsisten yang mungkin wujud. Derivatif juga dikategorikan sebagai dipegang untuk diniagakan kecuali ianya direka untuk melindungi nilai.

### (iii) Sumbangan Pemegang Unit

Sumbangan pemegang unit kepada Dana menepati definasi instrumen yang diletakkan dan diklasifikasikan sebagai ekuiti di bawah FRS 132 yang dikaji semula.

Instrumen yang diklasifikasikan sebagai salah satu ekuiti diukur pada kos dan tidak dinilai semula kemudiannya.

Penyamaan pengagihan diakaunkan pada tarikh penjadian dan perlucutan unit Dana. Ianya mewakili amaun purata pendapatan atau kerugian boleh agih yang termasuk di dalam penjadian dan perlucutan harga unit.

### (e) Kejejasan Aset Kewangan

Semua aset kewangan (selain yang dikategorikan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian) adalah diperolehi pada akhir tempoh laporan samada mempunyai bukti objektif kejejasan sebagai keputusan dari satu atau banyak keadaan yang memberikan kesan ke atas anggaran aliran tunai hadapan aset berkenaan. Untuk instrumen ekuiti patuh Syariah, penurunan yang penting atau berlarutan ke atas nilai saksama di bawah paras kos adalah diambilkira sebagai bukti objektif kejejasan.

Kerugian kejejasan terhadap pelaburan patuh Syariah dipegang hingga matang dan pinjaman dan aset kewangan belum terima adalah diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian dan diukur melalui perbezaan diantara amaun bawa aset dan nilai sekarang bagi anggaran aliran tunai hadapan, didiskaun pada kadar asal keuntungan berkesan aset kewangan berkenaan. Dana tidak mempunyai sebarang pinjaman.

Kerugian kejejasan terhadap aset kewangan sedia untuk dijual adalah diiktiraf di dalam keuntungan dan kerugian dan diukur melalui perbezaan diantara kos (bersih diantara pembayaran prinsipal dan perlunasan) dan nilai saksama sediaada, ditolak dengan sebarang kerugian kejejasan sebelumnya yang diiktiraf di dalam rizab nilai saksama. Sebagai tambahan, kerugian terkumpul yang diiktiraf di dalam lain pendapatan komprehensif dan terkumpul di dalam ekuiti di bawah rizab nilai saksama, adalah diklasifikasikan dari ekuiti kepada keuntungan atau kerugian.

Dengan pengecualian instrumen patuh Syariah bukan ekuiti yang sedia untuk dijual, jika, di dalam tempoh tertentu, amaun kerugian kejejasan berkurangan dan pengurangan ini boleh dikaitkan secara objektifnya dengan keadaan yang terjadi selepas kejejasan ini diiktiraf,

## **BSN DANA AL JADID**

kerugian kejelasan yang diiktiraf sebelumnya adalah dirizabkan melalui keuntungan atau kerugian ke satu tahap bilamana amaun bawa pelaburan berkenaan pada tarikh kejelasan ini dilaraskan semula tidak melebihi kos perlunasan yang memungkinkan kejelasan ini tidak diiktiraf.

Berkenaan dengan instrumen patuh Syariah bukan ekuiti sedia untuk dijual, kerugian kejelasan adalah dilaraskan semula di dalam keuntungan atau kerugian jika pertambahan nilai saksama pelaburan boleh secara objektifnya dikaitkan kepada keadaan yang berlaku selepas pengiktirafan kerugian kejelasan di dalam keuntungan atau kerugian. Dana tidak mempunyai sebarang pinjaman.

### **(f) Nilai Aset Bersih Boleh Agih Untuk Pemegang Unit**

Nilai aset bersih yang boleh diagihkan kepada pemegang unit mewakili jumlah penebusan yang kena dibayar jika pemegang unit melaksanakan hak untuk menebus unit Dana pada akhir tempoh pelaporan.

### **(g) Pengagihan Dividen**

Pengagihan dividen adalah atas budibicara Dana. Pengagihan dividen kepada Pemegang Unit Dana diakaunkan sebagai tolakan daripada rezab nyata kecuali dimana dividen diambil dari sumber penyamaan pengagihan dimana diakaunkan sebagai tolakan dari Modal Pemegang Unit. Dividen yang dicadangkan telah diiktiraf sebagai liabiliti di dalam tempoh dimana ianya diluluskan.

Pengagihan adalah diiktiraf sebagai liabiliti apabila diluluskan untuk diagihkan.

### **(h) Perbelanjaan Cukai Pendapatan**

Cukai pendapatan untuk tempoh kewangan termasuk cukai semasa dan cukai tertunda.

Cukai semasa adalah jangkaan jumlah cukai pendapatan yang perlu dibayar selaras dengan keuntungan yang diperolehi bagi tempoh tersebut dan ia diukur menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh Lembaran Imbangan.

Cukai tertunda telah diperuntukkan secara penuh, menggunakan kaedah liabiliti, mengikut perbezaan sementara yang timbul antara cukai asas aset dan liabiliti dan amaun bawa di dalam penyata kewangan.

Liabiliti cukai tertunda dinyatakan untuk semua perbezaan sementara dikenakan cukai selain yang timbul daripada muhibah atau muhibah negatif atau dari pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam satu transaksi yang bukan bersifat satu kombinasi perniagaan serta pada masa tersebut transaksi itu tidak menjejaskan nilai keuntungan perakaunan mahupun keuntungan kena cukai.

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan setakat yang ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai masa depan akan tersedia terhadap mana perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak diguna boleh digunakan. amaun bawaan aset cukai tertunda dikaji semula pada akhir setiap tempoh pelaporan dan dikurangkan setakat yang ia tidak lagi berkemungkinan bahawa keuntungan

## **BSN DANA AL JADID**

boleh dicukai masa hadapan mencukupi akan tersedia untuk membolehkan semua atau sebahagian daripada aset cukai tertunda digunakan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan terpakai dalam tempoh apabila aset itu direalisasikan atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagiannya pada akhir tempoh pelaporan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan untuk menolak aset cukai semasa terhadap liabiliti cukai semasa dan apabila cukai pendapatan tertunda berkait dengan pihak berkuasa cukai yang sama.

Cukai tertunda yang berkaitan dengan perkara-perkara yang diiktiraf di luar untung atau rugi diiktiraf di luar untung atau rugi. Barangan cukai tertunda yang diiktiraf dalam korelasi yang transaksi pendasar sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau secara langsung dalam ekuiti dan cukai tertunda yang timbul daripada gabungan perniagaan yang dimasukkan dalam muhibah yang terhasil atau lebih kepentingan pemeroleh dalam nilai yang bersih saksama aset-aset pemeroleh dikenalpasti, liabiliti dan liabiliti luarjangka atas kos gabungan perniagaan.

### **(i) Pihak Berkaitan**

Parti adalah berkaitan dengan satu entiti (dirujuk sebagai 'laporan entiti') jika: -

(a) Seseorang atau ahli yang rapat dengan keluarga orang yang berkaitan dengan entiti pelapor jika orang itu: -

- (i) mempunyai kawalan atau kawalan bersama ke atas entiti pelaporan;
- (ii) mempunyai pengaruh penting ke atas entiti pelaporan;
- (iii) adalah ahli personel pengurusan penting entiti yang melaporkan atau ibu bapa entiti pelaporan.

(b) Sesuatu entiti yang berkaitan dengan entiti pelapor jika mana-mana syarat-syarat berikut terpakai: -

- (i) Entiti dan entiti yang membuat laporan adalah ahli kumpulan yang sama (yang bermaksud bahawa setiap ibu bapa, anak-anak syarikat dan subsidiari adalah berkaitan dengan yang lain).
- (ii) Satu entiti adalah syarikat bersekutu atau bersama entiti lain (atau syarikat bersekutu atau bersama ahli kumpulan mana entiti lain adalah ahli).
- (iii) Kedua-dua entiti usahasama pihak ketiga yang sama.
- (iv) Satu entiti adalah usahasama sebuah entiti ketiga dan entiti lain adalah syarikat bersekutu entiti ketiga.
- (v) entiti adalah pelan manfaat selepas pekerjaan bagi manfaat pekerja sama ada entiti pelapor atau satu entiti yang berkaitan dengan entiti yang melaporkan. Jika entiti pelapor sendiri pelan sedemikian, majikan juga berkaitan dengan entiti yang melaporkan.

Ahli-ahli keluarga seseorang adalah ahli keluarga yang mungkin dijangka untuk mempengaruhi, atau dipengaruhi oleh, orang itu dalam urusan mereka dengan entiti.

## **BSN DANA AL JADID**

### (j) Pengiktirafan Pendapatan

#### (i) Keuntungan Dari Deposit Islam dan Pendapatan Dari Sukuk

Keuntungan dari deposit Islam dan pendapatan dari sukuk diiktiraf mengikut asas terakru.

#### (ii) Pendapatan Dividen

Pendapatan dividen daripada pelaburan patuh Syariah akan diiktiraf apabila terdapat peruntukan untuk menerima pembayaran dividen tersebut.

#### (iii) Keuntungan atau Kerugian Nyata Dari Penjualan Pelaburan Patuh Syariah

Keuntungan atau kerugian nyata dari penjualan pelaburan patuh Syariah mewakili perbezaan antara nilai perolehan bersih pelupusan dan amaun bawa pelaburan patuh Syariah berkenaan, yang dikira berasaskan purata kos purata berpemberat.

### (k) Klasifikasi Keuntungan Dan Kerugian Nyata dan Tidak Nyata

Keuntungan dan kerugian tidak nyata merangkumi perubahan di dalam nilai saksama instrumen kewangan untuk sesuatu tempoh dan dari pelarasan semula keuntungan dan kerugian belum nyata tempoh sebelum untuk instrumen kewangan dimana ianya dinyatakan (contoh : dijual, ditebus atau telah matang) di dalam tempoh kewangan.

Keuntungan dan kerugian nyata di atas pelupusan instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai sebahagian 'pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian' mewakili perbezaan diantara amaun bawa permulaan pelaburan tersebut dan perolehan pelupusan, atau pembayaran tunai atau penerimaan yang dibuat ke atas kontrak derivatif (tidak termasuk pembayaran atau penerimaan ke atas akaun keuntungan yang dicagarkan untuk pelaburan berkenaan).

### (l) Segmen Operasi

Untuk tujuan pengurusan, Dana telah diuruskan kepada satu segmen operasi utama, dimana melabur di dalam berbagai jenis pelaburan termasuk ekuiti patuh Syariah dan sukuk. Semua aktiviti Dana adalah berkaitan, dan setiap aktiviti adalah bergantung diantara satu sama lain. Selain itu, semua keputusan yang penting adalah berdasarkan kepada analisa Dana sebagai satu segmen. Keputusan kewangan dari segmen ini adalah bersamaan dengan penyata kewangan Dana secara keseluruhannya.

**BSN DANA AL JADID****4. SEKURITI SIARHARGA PATUH SYARIAH**

	<b>Bilangan saham dipegang</b>	<b>Kos</b>	<b>Nilai pasaran</b>	<b>% atas Nilai aset bersih pada 31 Disember 2012</b>
	<b>Unit</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>%</b>
<b>i) Pembinaan</b>				
IJM Corporation Berhad	199,700	1,167,848	994,506	2.16
WCT Engineering Berhad	333,500	923,536	783,725	1.70
	<u>533,200</u>	<u>2,091,384</u>	<u>1,778,231</u>	<u>3.86</u>
<b>ii) Barangan Pengguna</b>				
Malayan Flour Mills Berhad	1,020,500	1,887,697	1,306,240	2.84
Panasonic Manufacturing Malaysia Berhad	20,000	412,115	408,000	0.88
	<u>1,040,500</u>	<u>2,299,811</u>	<u>1,714,240</u>	<u>3.72</u>
<b>iii) Kewangan</b>				
BIMB Holdings Berhad	535,000	1,654,557	1,503,350	3.26
	<u>535,500</u>	<u>1,654,557</u>	<u>1,503,350</u>	<u>3.26</u>
<b>iv) Barangan Industri</b>				
Petronas Chemicals Group Berhad	471,000	3,184,529	3,014,400	6.54
Petronas Gas Berhad	70,000	1,292,383	1,366,400	2.97
Hartalega Holdings Berhad	138,500	660,980	657,875	1.43
Kossan Rubber Industries Berhad	100,000	311,854	336,000	0.73
Oriental Holdings Berhad	124,200	938,516	1,080,540	2.35
TA ANN Holdings Berhad	326,800	1,485,827	1,143,800	2.48
	<u>1,230,500</u>	<u>7,874,089</u>	<u>7,599,015</u>	<u>16.50</u>
<b>v) Perladangan</b>				
CB Industrial Product Holdings Berhad	137,000	365,943	374,010	0.81
KL Kepong Berhad	25,200	547,728	604,800	1.31
IOI Corporation Berhad	165,000	969,500	841,500	1.83
Kulim (Malaysia) Berhad	180,300	917,424	883,470	1.92
TH Plantation Berhad	380,300	1,045,069	756,797	1.64
	<u>887,800</u>	<u>3,845,664</u>	<u>3,460,577</u>	<u>7.51</u>
<b>vi) Hartanah</b>				
SP Setia Berhad	345,000	1,068,601	1,066,050	2.31
Mah Sing Group Bhd	101,600	235,256	210,312	0.46
	<u>446,600</u>	<u>1,303,857</u>	<u>1,276,362</u>	<u>2.77</u>



## BSN DANA AL JADID

### vii) Perdagangan & Perkhidmatan

Dayang Enterprise Holdings Berhad	200,000	430,748	476,000	1.03
KPJ Healthcare Berhad	200,000	1,146,656	1,148,000	2.49
Maxis Berhad	180,000	1,169,918	1,197,000	2.60
MISC Berhad	545,000	2,355,898	2,343,500	5.09
Petronas Dagangan Berhad	33,000	742,538	775,500	1.68
Perdana Petroleum Berhad	700,000	762,775	756,000	1.64
Telekom Malaysia Berhad	410,000	2,403,664	2,476,400	5.38
Malaysia Marine & Heavy Engineering Berhad	440,000	2,521,870	1,936,000	4.20
Sime Darby Berhad	250,000	2,249,360	2,380,000	5.17
Tenaga Nasional Berhad	400,000	2,733,332	2,776,000	6.03
	<u>3,358,000</u>	<u>16,516,759</u>	<u>16,264,400</u>	<u>35.31</u>

### JUMLAH SEKURITI SIARHARGA

#### PATUH SYARIAH

35,586,122

33,596,175

72.93

## 5. BUKAN SEKURITI SIARHARGA PATUH SYARIAH

	Bilangan saham dipegang	Kos	Nilai pasaran	% atas Nilai aset Bersih pada 31 Disember 2012
	Unit	RM	RM	%
<b>A. Sukuk Jangkapendek</b>				
Bumiputra Commerce Holdings Berhad	2,000,000	1,976,461	2,013,000	4.37
Jimah Energy Ventures Sdn Berhad	1,000,000	1,065,303	1,032,800	2.24
Penerbangan Malaysia Berhad	3,000,000	3,000,000	3,021,300	6.56
Government Investment Issue	2,500,000	2,504,133	2,565,000	5.57
	<u>8,500,000</u>	<u>8,545,897</u>	<u>8,632,100</u>	<u>18.74</u>

## 6. DEPOSIT ISLAM DENGAN INSTITUSI KEWANGAN BERLESEN

Kadar keuntungan berkesan deposit Islam pada tarikh Lembaran Imbangan berada dalam lingkungan 2.85 % ke 3.25 % (2011 – 2.61 % ke 3.40 %) setahun. Deposit Islam mempunyai tempoh matang dari 1 hingga 100 hari (2011 – 1 hingga 40 hari).

## BSN DANA AL JADID

### 7. MAKLUMAT SYARIAH BERKENAAN DANA

Penasihat Syariah telah mengesahkan bahawa portfolio pelaburan Dana adalah terdiri daripada pelaburan patuh Syariah, iaitu:

- (a) Sekuriti ekuiti yang disenaraikan di Bursa Malaysia serta telah diklasifikasikan sebagai sekuriti patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti;
- (b) Sukuk mengikut senarai sukuk yang diluluskan serta dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti; dan
- (c) Penempatan tunai dan aset tunai di pasaran tempatan, yang dilaburkan dalam pelaburan dan/atau instrumen patuh Syariah.

### 8. SUMBANGAN PEMEGANG UNIT

	2012 Unit	2011 Unit	2012 RM	2011 RM
Pada 1 Januari	170,200,000	134,270,000	43,006,641	33,720,051
Penjadian unit	8,266,764	20,516,146	2,101,948	5,340,643
Unit di laburkan semula	10,036,236	15,413,854	2,547,197	3,945,947
Perlucutan unit	(1,000,000)	-	(260,700)	-
Pada 31 Disember	<u>187,503,000</u>	<u>170,200,000</u>	<u>47,395,086</u>	<u>43,006,641</u>

Berdasarkan kepada skim ini, bilangan maksimum unit yang boleh diterbitkan untuk edaran ialah sebanyak 800 juta unit. Pada 31 Disember 2011, bilangan unit yang belum diterbitkan ialah sebanyak 612,497,000 unit (2011 : 629,800,000 unit).

### 9. RIZAB SEDIA UNTUK DIJUAL

Rizab nilai saksama mewakili perubahan nilai saksama terkumpul bagi aset kewangan sedia untuk dijual sehingga ianya dilupuskan atau dijejaskan.

### 10. KERUGIAN TERKUMPUL

Pecahan kerugian terkumpul pada akhir tempoh laporan adalah sepertimana berikut :

	2012 RM	2011 RM
Jumlah pendapatan belum agih :		
Kerugian / Keuntungan nyata	487,211	302,802
Kerugian belum nyata	(1,903,744)	(1,187,439)
Pada 31 Disember	<u>(1,416,533)</u>	<u>(884,637)</u>

## BSN DANA AL JADID

### 11. YURAN PENGURUS

Yuran pengurus dikira berdasarkan kepada kadar 1.50 % (2011 – 1.50 %) setahun dari nilai aset bersih dana yang dikira secara harian.

### 12. YURAN PEMEGANG AMANAH

Yuran pemegang amanah dikira berdasarkan kepada kadar 0.08 % (2011 – 0.08 %) setahun dari nilai aset bersih dana yang dikira secara harian.

### 13. PENCUKAIAN

	<b>2012</b>	<b>2011</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Perbelanjaan cukai semasa		
- untuk tahun kewangan	36,286	3,000
- kurang/(lebih) diperuntukkan di tahun kewangan sebelum	2,148	(23,426)
	<u>38,434</u>	<u>(20,426)</u>

Semasa tahun kewangan semasa, kadar cukai berkanun kekal pada 25 % taksiran pendapatan bagi tahun kewangan.

Percukai yang dikenakan untuk tahun kewangan tersebut adalah ke atas pendapatan bercukai dividen selepas menolak cukai perbelanjaan yang dibenarkan. Selaras dengan Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967, keuntungan yang diperolehi oleh Dana dikecualikan daripada cukai.

Penyesuaian ke atas perbelanjaan cukai pendapatan adalah terpakai kepada pendapatan bersih sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun kepada perbelanjaan cukai pendapatan pada kadar cukai berkesan Dana adalah seperti berikut :

	<b>2012</b>	<b>2011</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Keuntungan bersih sebelum cukai	<u>2,788,465</u>	<u>1,111,759</u>
Cukai pada kadar berkanun 25%	697,116	277,940
Kesan cukai dari :		
Pendapatan yang tidak dikenakan cukai	(847,381)	(782,988)
Perbelanjaan yang tidak dibenarkan	186,551	548,900
Kurang/(Lebih) diperuntukkan pada tahun kewangan sebelum	2,148	(23,426)
Cukai dibelanjakan/(dikembalikan) untuk tahun kewangan	<u>38,434</u>	<u>(20,426)</u>

## BSN DANA AL JADID

### 14. DIVIDEN

Dividen kepada pemegang unit adalah diperolehi dari sumber berikut :

	<b>2012</b>	<b>2011</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Pendapatan dividen	800,445	470,378
Keuntungan dari deposit Islam	250,100	160,903
Pendapatan dari sukuk	684,039	375,614
Pendapatan pelbagai	-	3,403
Keuntungan nyata bersih atas pelupusan pelaburan	2,391,161	1,551,051
	<u>4,125,745</u>	<u>2,561,349</u>
Tolak : Perbelanjaan Dibenarkan	(750,691)	(8,350)
Cukai	(93,127)	(2,598)
Pengagihan untuk tahun kewangan	<u>3,281,927</u>	<u>2,550,402</u>

### 15. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Bagi tujuan Penyata Aliran Tunai, tunai dan kesetaraan tunai adalah terdiri daripada :

	<b>2012</b>	<b>2011</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Deposit Islam di institusi kewangan berlesen	5,793,417	6,824,767
Tunai di bank	2,845	2,264
	<u>5,796,262</u>	<u>6,827,031</u>

### 16. PEGANGAN UNIT OLEH PIHAK YANG BERKAITAN

	<b>2012</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2011</b>
	<b>Unit</b>	<b>Unit</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Syarikat induk Pengurus	85,249,745	80,497,076	20,943,711	21,251,228
Pengurus	<u>70,871</u>	<u>244,412</u>	<u>17,411</u>	<u>64,525</u>

## BSN DANA AL JADID

### 17. URUSNIAGA DENGAN SYARIKAT BROKER SAHAM

Urusniaga dengan syarikat-syarikat broker saham di dalam tempoh kewangan adalah seperti berikut:

2012	Nilai Dagangan		Yuran Broker & Komisen	
	RM	%	RM	%
Affin Investment Bank Bhd	11,747,553	9.68	33,011	10.04
Am Investment Bank Bhd	6,179,642	5.09	17,677	5.38
Amanahraya Trustees Bhd	1,495,000	1.23	2,315	0.70
CIMB Investment Bank Bhd	14,137,244	11.65	44,557	13.56
Maybank Investment Bank Bhd	15,917,017	13.12	45,212	13.76
M&A Securities Sdn Bhd	17,181,554	14.16	39,370	11.98
MIDF Amanah Investment Bank Bhd	42,323,282	34.89	116,036	35.31
RHB Investment Bank Bhd	11,672,798	9.62	30,456	9.27
HBSC (Malaysia) Trustee Bhd	658,038	0.54	-	-
Jumlah	121,312,128	100.00	328,634	100.00

2011	Nilai Dagangan		Yuran Broker & Komisen	
	RM	%	RM	%
Affin Bank Bhd	6,691,457	9.81	19,786	9.93
Am Investment Bank Bhd	3,868,824	5.67	11,696	5.87
Amanahraya Trustee Bhd	416,075	0.61	-	-
CIMB Investment Bank Bhd	12,830,750	18.81	39,933	20.04
Maybank Investment Bank Bhd	12,846,951	18.83	40,325	20.24
MIDF Amanah Investment Bank Bhd	18,905,088	27.72	52,960	26.58
RHB Investment Bank Bhd	12,651,123	18.55	34,553	17.34
Jumlah	68,210,267	100.00	199,253	100.00

### 18. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN

Nisbah perbelanjaan pengurusan untuk tahun kewangan semasa ialah 1.74 % (2011 : 1.78 %). Ianya adalah nisbah keseluruhan yuran yang ditolak dari dana termasuklah yuran pengurus, yuran pemegang amanah, bayaran juruaudit, yuran ejen percukaian ditambah dengan perbelanjaan dikenakan ke atas dana dinyatakan sebagai peratusan purata nilai aset bersih dana, dikira secara bulanan.

### 19. NISBAH DAGANGAN PORTFOLIO

Nisbah dagangan portfolio untuk tahun kewangan semasa ialah 1.30 kali (2011 : 0.89 kali). Nisbah dagangan portfolio ialah nisbah purata pembelian dan penjualan pelaburan patuh Syariah untuk tahun berkenaan berbanding purata nilai aset bersih dana untuk tahun berkenaan, dikira secara bulanan.

## BSN DANA AL JADID

### 20. TRANSAKSI PIHAK BERKAITAN

- (a) Identiti pihak berkaitan

Dana mempunyai hubungan dengan pihak berkaitan iaitu syarikat induk Pengurus.

- (b) Sebagai tambahan kepada baki terperinci yang ditunjukkan di mana-mana di penyata kewangan, Dana telah melakukan transaksi berikut dengan pihak berkaitan di dalam tahun kewangan :

	2012 UNIT	2011 UNIT	2012 RM	2011 RM
Pendaftaran unit dana amanah oleh syarikat induk pengurus	8,266,764	20,516,146	2,101,948	5,340,643
Yuran pengurusan dibayar kepada pengurus	-	-	700,877	591,130

### 21. SEGMENT OPERASI

Pengurus dan Jawatankuasa Pelaburan Dana adalah bertanggungjawab untuk meletakkan sumber-sumber yang ada kepada Dana berdasarkan kepada strategi pelaburan keseluruhan sepertimana yang digariskan di dalam Garispanduan Pelaburan Dana. Jadual berikut memberikan analisa tentang pendapatan dan aset mengikut segmen pelaburan :

	Segmen Pendapatan	
	2012 RM	2011 RM
Sukuk Jangkapendek	684,039	470,813
Sekuriti ekuiti patuh Syariah	3,721,422	2,533,710
Deposit Islam dengan institusi kewangan berlesen	250,100	201,684
	<u>4,655,561</u>	<u>3,206,207</u>

	Segmen Aset	
	2012 RM	2011 RM
Sekuriti ekuiti patuh Syariah	33,596,175	26,000,308
Sukuk Jangkapendek	8,632,100	12,212,850
Deposit Islam dengan institusi kewangan berlesen	5,793,417	6,824,767
Amaun terhutang oleh syarikat broker	1,875,039	-
Terhutang dari syarikat pengurusan	-	315,000
Siberhutang pelbagai	36,935	15,525
Keuntungan belum terima	109,566	101,362
Tuntutan cukai	192,687	172,652
Tunai di bank	2,845	2,264
	<u>50,238,764</u>	<u>45,664,728</u>

## BSN DANA AL JADID

### 22. INSTRUMEN KEWANGAN

Aktiviti Dana adalah terdedah kepada berbagai risiko pelaburan (termasuk risiki harga, risiko matawang asing dan risiko kadar faedah), risiko kredit, risiko kecairan dan risiko pengklasifikasian semula status Syariah. Polisi pengurusan risiko kewangan keseluruhan Dana memfokus kepada ketidaktentuan pasaran kewangan dan mencari untuk meminimakan kesan yang berpotensi untuk dibalikkan ke atas prestasi kewangan Dana.

#### (a) Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Dana adalah terdedah kepada berbagai risiko kewangan, termasuklah risiko matawang asing, risiko kadar faedah, risiko kredit, risiko kecairan dan risiko pengklasifikasian semula status Syariah. Objektif pengurusan risiko kewangan keseluruhan Dana adalah untuk memindahkan kerugian modal.

Pengurusan risiko kewangan adalah dijalankan melalui kajian semula polisi, sistem kawalan dalaman dan pematuhan kepada kuasa dan had-had pelaburan yang digariskan di dalam Garis panduan Dana Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia.

#### (i) Risiko Pasaran

Risiko pasaran timbul kerana perubahan keadaan pasaran akibat persekitaran pengawalseliaan, politik, ekonomi dan persekitaran perniagaan. Perubahan tersebut boleh menyebabkan turun naiknya pasaran saham yang akan menjejaskan dasar pelaburan Dana dan turun naik nilai aset bersih. Risiko pasaran tidak boleh dihapuskan tetapi boleh dikurangkan melalui kepelbagaian. Pengurus Dana mempelbagaikan portfolio dan memantau iklim pelaburan dan pasaran untuk mengambil langkah-langkah, jika perlu dan sesuai, untuk mengurangkan risiko ini.

#### (i) Risiko Harga

Risiko harga adalah risiko pengurangan nilai saksama sekuriti ekuiti Patuh Syariah akibat perubahan dalam paras indeks ekuiti dan nilai sekuriti individu. Ia adalah dasar Dana untuk memaksimumkan pulangan dengan risiko yang minimum dan Pengurus memilih sekuriti patuh Syariah yang kukuh dan mempunyai potensi pertumbuhan yang baik.

Jadual di bawah menunjukkan kepelbagaian pelaburan Ekuiti patuh Syariah Dana pada 31 Disember 2012 :-

	2012		2011	
	RM	% NAB	RM	% NAB
Pembinaan	1,778,231	3.86	3,310,435	7.81
Barangan Pengguna	1,714,240	3.72	1,529,352	3.61
Kewangan	1,503,350	3.26	-	-
Barangan Industri	7,599,015	16.50	5,154,065	12.13
Infrastruktur	-	-	391,600	0.92
Perladangan	3,460,577	7.51	2,330,300	5.48
Hartanah	1,276,362	2.77	1,506,450	3.55
Perdagangan/Perkhidmatan	16,624,400	35.31	11,778,106	27.73
<b>Jumlah</b>	<b>33,596,175</b>	<b>72.93</b>	<b>26,000,308</b>	<b>61.23</b>

## **BSN DANA AL JADID**

Kedudukan keseluruhan pasaran dipantau secara harian oleh Pengurus Dana. Pengurus Dana akan menentukan industri yang boleh mendapat manfaat daripada perubahan semasa dan masa akan datang ekonomi apabila menjalani proses peruntukan sektor.

Nilai pelaburan dana dalam saham biasa patuh Syariah yang diterbitkan oleh mana-mana pengeluar tidak boleh melebihi 10% daripada nilai aset bersih harian Dana

Jika harga bagi pelaburan disiar harga pada tempoh akhir laporan ini mengukuh sebanyak 5% dengan lain-lain pembolehubah adalah malar, keuntungan sebelum cukai dan ekuiti Dana akan meningkat sebanyak RM1,679,809. Penguncupan 5% pada harga siarharga juga akan mempunyai kesan yang sama tetapi bertentangan ke atas keuntungan sebelum cukai dan ekuiti masing-masing.

Secara praktikal, keputusan sebenar niaga mungkin berbeza daripada analisis sensitiviti yang dibentangkan di atas dan perbezaan boleh menjadi material.

Maklumat harga pasaran yang disediakan dalam jadual di atas mewakili hasil hipotesis dan tidak bertujuan sebagai penjangka. Perbezaan keadaan pasaran mungkin menjadi ketara daripada yang dicadangkan.

Pengurus mempunyai sistem untuk memantau urusan Dana untuk memastikan pematuhan dengan Garis Panduan SC mengenai Tabung Unit Amanah dan had Dana dan sekatan pelaburan selaras dengan parameter di dalam Surat Ikatan Amanah.

### **(ii) Risiko Kadar Faedah**

Risiko kadar faedah adalah risiko nilai instrumen kewangan yang akan turun naik disebabkan perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Risiko kadar faedah adalah risiko am yang memberi kesan kepada dana unit amanah konvensional dan patuh Syariah. Ianya adalah biasa walaupun dana patuh Syariah hanya melabur di dalam pelaburan patuh Syariah.

Dana tidak terdedah kepada risiko kadar faedah kerana pelaburan Dana di dalam instrumen kewangan telah dilakukan melalui kadar keuntungan tetap dan diukur pada kos perlunasan. Oleh itu, analisa sensitiviti tidak dinyatakan.

### **(iii) Risiko Matawang Asing**

Syarikat tidak mempunyai apa-apa urusan niaga mata wang asing, oleh itu tidak terdedah kepada sebarang risiko mata wang asing.



## BSN DANA AL JADID

### (ii) Risiko Kredit

Risiko kredit merujuk kepada ketidakupayaan seseorang pengeluar atau mana-mana pihak untuk membuat bayaran keuntungan, prinsipal dan hasil daripada pelaburan nyata tepat pada masanya.

Risiko kredit yang timbul daripada penempatan deposit Islam di institusi kewangan berlesen adalah diuruskan dengan memastikan deposit Islam Dana diletakkan di dalam institusi kewangan berlesen yang berwibawa.

Bagi jumlah terhutang daripada broker saham, terma penyelesaian dikawal oleh kaedah dan peraturan yang berkaitan seperti yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad. Semua urusan niaga dalam sekuriti patuh Syariah tersenarai diselesaikan / dibayar untuk penghantaran dengan menggunakan broker yang mendapat kelulusan. Risiko ingkar dianggap minima, berikutan penghantaran sekuriti patuh Syariah yang dijual hanya dibuat setelah broker menerima bayaran. Bayaran dibuat atas pembelian sekuriti patuh Syariah setelah ia diterima oleh broker. Jika salah satu pihak gagal untuk memenuhi tanggungjawab mereka, transaksi urusan niaga akan gagal.

Terma-terma penyelesaian hasil dari penjadian unit yang diterima daripada Pengurus dan pelucutan unit yang dibayar kepada Pengurus ditadbir oleh Garis Panduan Dana Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti.

Pendedahan maksimum kepada risiko kredit sebelum sebarang tambahan kredit pada akhir tempoh laporan adalah diwakili oleh amaun aset kewangan seperti yang dinyatakan di bawah: -

	2012 RM	2011 RM
Sekuriti ekuiti patuh Syariah	33,596,175	26,000,308
Sukuk Jangkapendek	8,632,100	10,675,250
Sukuk Jangkapanjang	-	1,537,600
Deposit Islam dengan institusi kewangan berlesen	5,793,417	6,824,767
Amaun terhutang oleh syarikat broker	1,875,039	-
Siberhutang pelbagai	36,935	15,525
Keuntungan belum terima	109,566	101,362
Tunai di Bank	2,845	2,264
	<u>50,046,077</u>	<u>45,157,076</u>

Pendedahan risiko kredit bagi aset kewangan adalah tertakluk di dalam Malaysia.

Semua aset kewangan Dana pada 31 Disember 2012 adalah tidak tertunggak atau terjejas.

## BSN DANA AL JADID

### Kredit kualiti untuk aset kewangan

Dana ini hanya melabur di dalam sukuk dengan setidak-tidaknya mempunyai gred (x) penarafan kredit pelaburan yang dikeluarkan oleh agensi penarafan kredit.

Jadual berikut menganalisis portfolio Dana sukuk mengikut kategori penarafan:

Penarafan Kredit	2012	
	% atas nilai Sukuk pada 2012 %	% atas nilai NAB pada 2012 %
AA1	23.32	4.37
AA3	11.96	2.24
NR(LT)	64.72	12.13
	<hr/>	<hr/>
	100.00	18.74

### (iii) Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko ketika Dana mungkin tidak dapat menjana sumber tunai yang mencukupi untuk menyelesaikan tanggungjawab sepenuhnya apabila tiba masanya atau hanya boleh berbuat demikian atas terma yang ketara merugikan.

Dana mengekalkan tahap aset cair Islam yang mencukupi dengan tahap minimum 10% daripada nilai aset bersih untuk memenuhi pembayaran yang dijangkakan dan pembatalan unit oleh pemegang unit. Instrumen pasaran wang Islam termasuk deposit Islam berjangka, perjanjian pembelian semula dan penempatan tunai jangka pendek dengan institusi kewangan, akan digunakan untuk mengekalkan kedudukan kecairan Dana dan sebagai langkah alternatif jangka pendek apabila pasaran ekuiti mengalami turun naik yang berlebihan.

Dana tidak akan meminjam berkaitan dengan aktiviti-aktivitinya atau meminjamkan mana-mana wang tunai atau pelaburan melainkan jika dibenarkan oleh Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti dan sebarang Nota Panduan yang dikeluarkan oleh SC itu dari semasa ke semasa atau lain-lain undang-undang atau peraturan-peraturan yang berkaitan dengan unit amanah

Jadual berikut menunjukkan profil matang liabiliti aset kewangan pada akhir tempoh laporan berdasarkan kepada kontrak aliran tunai tanpa diskaun :

**BSN DANA AL JADID**

2012	Amaun Bawa	Kontrak Aliran Tunai Tanpa Diskaun	Selama 1 Tahun
	RM	RM	RM
Amaun terhutang kepada sykt broker	784,185	784,185	784,185
Amaun terhutang kepada Pengurusan	61,610	61,610	61,610
Amaun terhutang kepada Pemegang Amanah	3,286	3,286	3,286
Dividen belum bayar	3,281,927	3,281,927	3,281,927
Sipiutang pelbagai dan terakru	43,000	43,000	43,000
<b>Jumlah Liabiliti Kewangan</b>	<b>4,174,008</b>	<b>4,174,008</b>	<b>4,174,008</b>

2011	Amaun Bawa	Kontrak Aliran Tunai Tanpa Diskaun	Selama 1 Tahun
	RM	RM	RM
Amaun terhutang kepada sykt broker	511,036	511,036	511,036
Amaun terhutang kepada Pengurusan	67,448	67,448	67,448
Amaun terhutang kepada Pemegang Amanah	2,837	2,837	2,837
Dividen belum bayar	2,550,402	2,550,402	2,550,402
Sipiutang pelbagai dan terakru	43,000	43,000	43,000
<b>Jumlah Liabiliti Kewangan</b>	<b>3,174,723</b>	<b>3,174,723</b>	<b>3,174,723</b>

(iv) Risiko Pengelasan Semula Status Syariah

Risiko ini adalah berhubungkait dengan pegangan sediada sekuriti patuh Syariah di dalam portfolio dana patuh Syariah mungkin akan diklasifikasikan semula kepada tidak patuh Syariah apabila kajian terhadap sekuriti ini dilakukan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti yang diadakan dua kali setahun. Sekiranya berlaku, nilai dana mungkin akan terjejas dimana Pengurus akan mengambil tindakan yang bersesuaian untuk melupuskan sekuriti berkenaan.

## BSN DANA AL JADID

### (b) Pengkelasan Instrumen Kewangan

	2012	2011
	RM	RM
<b>Aset Kewangan</b>		
<i>Aset kewangan sedia untuk dijual :</i>		
Sekuriti siarharga bukan ekuiti patuh Syariah	<b>8,632,100</b>	<b>12,212,850</b>
<i>Aset kewangan pinjaman dan belum terima :</i>		
Deposit Islam dengan institusi kewangan berlesen	5,793,417	6,824,767
Amaun terhutang dari syarikat broker	1,875,039	-
Amaun terhutang dari syarikat pengurusan	-	315,000
Siberhutang pelbagai	36,935	15,525
Keuntungan belum terima	109,566	101,362
Tunai di bank	2,845	2,264
	<b>7,817,802</b>	<b>7,258,918</b>
<i>Nilai saksama melalui keuntungan dan kerugian :</i>		
Sekuriti siarharga ekuiti patuh Syariah	33,596,175	26,000,308
<b>Liabiliti Kewangan</b>		
<i>Lain-lain liabiliti kewangan :</i>		
Amaun terhutang kepada sykt broker	(784,185)	(511,036)
Dividen belum bayar	(3,281,927)	(2,550,402)
Amaun terhutang kepada Pengurusan	(61,610)	(67,448)
Amaun terhutang kepada Pemegang Amanah	(3,286)	(2,837)
Sipiutang pelbagai dan terakru	(43,000)	(43,000)
	<b>(4,174,008)</b>	<b>(3,174,723)</b>

\*Dana tidak mempunyai sebarang pinjaman.

### (c) Nilai Saksama Instrumen Kewangan

Amaun bawa aset kewangan dan liabiliti kewangan yang dilaporkan di dalam penyata kewangan adalah bersamaan dengan nilai saksamanya.

Ringkasan berikut adalah kaedah yang digunakan untuk menentukan nilai saksama instrumen kewangan :

- (i) Aset kewangan dan liabiliti kewangan matang dalam tempoh 12 bulan berikutnya adalah bersamaan dengan nilai saksamanya yang disebabkan oleh tempoh matang instrumen kewangan yang pendek.
- (ii) Nilai saksama siarharga pelaburan patuh Syariah adalah dianggarkan berdasarkan kepada harga pasaran siarharga pada akhir tempoh laporan.

## BSN DANA AL JADID

### (d) Hiraki Nilai Saksama

Nilai saksama aset kewangan dan liabiliti dianalisis ke dalam tahap 1 hingga 3 seperti berikut: -

- Tahap 1: pengukuran nilai saksama terhasil dari siar harga (terlaras) dalam pasaran aktif bagi aset dan liabiliti atau serupa.
- Tahap 2: ukuran nilai saksama terhasil dari input selain daripada siar harga termasuk dalam tahap 1 yang dilihat bagi aset atau liabiliti, sama ada secara langsung atau tidak langsung
- Tahap 3: pengukuran nilai saksama terhasil dari teknik-teknik penilaian yang mewakili input bagi aset atau liabiliti yang tidak berdasarkan pada tarikh pasaran dilihat (input unobservable).

Dana ini telah disebut harga berasaskan ekuiti patuh Syariah dan sekuriti bukan ekuiti patuh Syariah yang diklasifikasikan sebagai nilai saksama kepada keuntungan atau kerugian dan aset kewangan sedia untuk dijual masing-masing pada nilai saksama. Aset-aset kewangan tergolong di tahap 1 hiraki nilai saksama

Pada 31 Disember 2012, instrumen kewangan Dana dibawa pada nilai saksama dianalisa seperti berikut: -

DANA	TAHAP 1 RM	TAHAP 2 RM	TAHAP 3 RM	JUMLAH RM
2012				
<b>Aset Kewangan</b>				
Sekuriti Ekuiti Patuh-Syariah	33,596,175	-	-	33,596,175
Sekuriti Bukan Ekuiti Patuh Syariah	8,632,100	-	-	8,632,100
	<u>42,228,275</u>	-	-	<u>42,228,275</u>
DANA	TAHAP 1 RM	TAHAP 2 RM	TAHAP 3 RM	JUMLAH RM
2011				
<b>Aset Kewangan</b>				
Sekuriti Ekuiti Patuh-Syariah	26,000,308	-	-	26,000,308
Sekuriti Bukan Ekuiti Patuh Syariah	12,212,850	-	-	12,212,850
	<u>38,213,158</u>	-	-	<u>38,213,158</u>

## **BSN DANA AL JADID**

### **(e) Pengurusan Modal**

Modal diwakili oleh langganan pemegang unit kepada Dana. Jumlah modal boleh berubah dengan ketara pada setiap hari kerana dana adalah tertakluk kepada penebusan harian dan langganan mengikut budi bicara pemegang unit. Pengurus menguruskan modal Dana selaras dengan objektifnya, pada masa yang sama mengekalkan kecairan yang mencukupi untuk memenuhi penebusan pemegang unit.

## **BSN DANA AL JADID**

### **MAKLUMAT KORPORAT DANA**

#### **PENGURUS**

Permodalan BSN Berhad (319744-W)  
No. Lesen Pengurus Kumpulan Wang : CMSL/A0156/2007

#### **PEJABAT BERDAFTAR/PEJABAT PENGURUSAN**

Aras 19, Lot 1,  
Bangunan TH Selborn  
153, Jalan Tun Razak,  
50400 Kuala Lumpur  
E - mail : [info@pbsn.com.my](mailto:info@pbsn.com.my)  
Tel : 03-2180 9000  
Faks : 03-7966 5660  
Website : [www.pbsn.com.my](http://www.pbsn.com.my)

#### **AHLI LEMBAGA PENGARAH**

Y.Bhg Datuk Adinan Bin Maning  
Y.Bhg Dato' Dr. Gan Miew Chee @ Gan Khuan Poh  
Y.Bhg Datuk Azizan Bin Abdul Rahman  
Professor Dr. Abdul Rahim Bin Abdul Rahman  
Encik Roslani Bin Hashim  
Encik Yunos Bin Abd Ghani  
Encik Kamarul Izam Bin Idrus

#### **KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

Encik Kamarul Izam Bin Idrus

#### **SETIAUSAHA SYARIKAT**

Pn Nor Eliza Bt Musa  
MAICSA No 1035207

Pn Ummul Shirin Bt Mohd Thalha  
LS No 0009504

#### **PEGUAMBELA & PEGUAMCARA**

Tetuan Raja Darryl & Loh  
18th Floor, Wisma Sime Darby  
Jalan Raja Laut  
50350 Kuala Lumpur

#### **BANK**

HSBC Bank Malaysia Berhad  
KL Main Office  
No 1 Leboh Ampang  
50100 Kuala Lumpur

## **BSN DANA AL JADID**

### **PEMEGANG AMANAH**

HSBC (Malaysia) Trustee Berhad ( 1281-T)  
Suite 901, Tingkat 9  
Wisma Hamzah-Kwong Hing  
No. 1, Lebuah Ampang  
50100 Kuala Lumpur

### **PENASIHAT SYARIAH**

IBFIM (763075-W)  
Tingkat 3, Menara Takaful Malaysia  
Jalan Sultan Sulaiman  
50000 Kuala Lumpur

### **JURUAUDIT**

CROWE HORWATH Kuala Lumpur Office (AF 1018)  
Tingkat 16, Menara C  
Megan Avenue II  
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng  
50450 Kuala Lumpur

### **PENASIHAT CUKAI**

CROWE HORWATH KL TAX (AF 1018)  
Tingkat 15, Menara C  
Megan Avenue II  
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng  
50450 Kuala Lumpur

### **PENASIHAT AKTUARI**

Mercer (M) Sdn Bhd (253344-U)  
Suite 17-02 Kenanga International  
Jalan Sultan Ismail  
50250 Kuala Lumpur